

SEJARAH PERKEMBANGAN MASYARAKAT MINANGKABAU
DAERAH ALOR GAJAH
MELAKA

(1510 an - 1960 an)

SITI KALSUM BT. MUHAMMAD JUNID

Latihan Ilmiah ini dikemukakan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Sejarah.

Keseluruhan daripada Latihan Ilmiah ini ditulis dengan perkataan saya sendiri, melainkan nukilan- nukilan yang mana saya telah akui tiap-tiap satunya".

kasihku abadi dan sentiasa tersemat di hati
untuk

ibu dan ayah

serta

saudara-saudara perempuanku: Syah
Sarah
Mah

dan

saudara-saudara lelakiku : Arof
Ja'ir
Amat
Aim

serta

saudara iparku : Esa
Ziki
Mian
Yati

Tidak kulupakan jua kasihku

untuk rakan tersayang : Lela
Syikin
Ony

disamping : Chik Nab
Along Tim
Chot Teh

Semuga kasih sayang kan kekal abadi.

dari CTERIS.

....

KANDUNGAN

SINOPSIS		
PRAKATA		
SENARAI KEPENDIKAN		
PENDAHULUAN		
 BAB I		
SEJARAH AWAL		
i	Kedudukan am	 I
ii	Asal usul nama Alor Gajah	 13
iii	Hubungan awal Naning dengan penjajah	 15
	Gambaran awal secara am	 15
	A. Naning semasa kerajaan Melayu Melaka	 16
	B. Hubungan Naning dengan Portugis	 20
	C. Hubungan Naning dengan Belanda	 28
	D. Hubungan Naning dengan British	 39
 Bab 2		
BAHAGIAN SOSIAL		
i	Gambaran umum masakini	 53
ii	Asal usul Masyarakat Melayu Alor Gajah	 57
iii	sebab-sebab penghijrahan	 69
iv	Wilayah Adat Perpatih Naning	 71
v	Sejarah awal adat perpatih	 74
vi	Konsep-konsep am adat perpatih	 77
vii	Susunan masyarakat Melayu dalam Wilayah Adat Perpatih Naning	 89
viii	Perbandingan antara Adat Perpatih dengan Adat Temenggung	 101

Bab 3

BAHAGIAN EKONOMI

A	Zaman Tradisional	
a	Zaman penjajahan Portugis	104
	Pertanian	106
i	Padi	107
ii	Sirih	108
iii	Hasil sampingan	109
b	Zaman penjajahan Belanda	110
i	Padi	111
ii	Lada hitam	112
iii	Sirih	114
iv	Bijih timah	116
B	Zaman Kolonial	118
i	Padi	120
ii	Ubi kayu dan gambir	125
iii	Getah	128
iv	Bijih timah	132
v	Emas	136
vi	Syarikat perniagaan	136
vii	Pekan sehari	138
viii	Hasil sampingan	141
C	Zaman selepas merdeka	142
i	Padi	145
ii	Getah	149
iii	Perindustrian	151

BAB 4 BAHAGIAN PENTADBIRAN

	Gambaran umum		153
A	Zaman tradisional		155
i	Penghulu		167
ii	Lembaga		167
iii	Buapak		170
iv	Anak buah		172
v	Menteri dan panglima		173
B	Zaman kolonial British		175
i	Penghulu Wilayah Adat Perpatih		178
ii	Pegawai Daerah		183
iii	Demang		187
iv	Penghulu mukim		188
v	Lembaga		193
vi	Sidang		200
vii	Imam, Khatib, Mungkin dan Bilal		201
C	Zaman selepas merdeka		201
i	Pegawai Daerah		202
ii	Penghulu		203
iii	Sidang		205
	KESIMPULAN		207
	BIBLIOGRAFI		217
	LAMPIRAN		226

GAMBAR

1	Tabuh	Hal.... 9a
2	Pekan Alor Gajah	14a
3	Kubur tentera British	38a
4	Makam Dol Said	52a
5	Masjid Tabuh	52a
6	Kawasan Bukit Penyilang	159a
7	Undang Wilayah Adat Perpatih Naning	160a
8	Bendera suku-suku di Naning	160b
9		160c
10	Balai Undang Naning	
11	Pejabat Daerah Alor Gajah	186a
12	Meriam zaman British	186b
13	Tugu Peringatan kemerdekaan	206a
14	Kata-kata di Tugu Peringatan sempena kemerdekaan	206b

PETA

1a1	Daerah-daerah di Melaka
71b	Daerah Alor Gajah dan Wilayah Adat Perpatih Naning
2a	Saliran di Alor Gajah
49a	Kawasan padi di Alor Gajah pada tahun 1960an
152a	Kawasan perindustrian di Alor Gajah berdasarkan saiz penduduk
153b	Lebuhraya Utara - Selatan yang melintasi Alor Gajah
153c	

LAMPIRAN

1	Jumlah penduduk Alor Gajah pada tahun 1832
1i	Jumlah penduduk Alor Gajah pada tahun 1891
111	Jumlah penduduk Alor Gajah pada tahun 1970
Iv	Perjanjian Naning - British 1801.
V	Geran mukim bagi pesaka perolehan
VI	Geran mukim bagi pesaka warisan
V11	Perlembagaan Negeri Melaka
V111	Contoh surat resmi penghulu mukim
Ix	Peta Negeri Melaka secara keseluruhannya.

SINOPSIS

Latihan Ilmiah ini ditulis adalah bertujuan untuk mengkaji asal usul masyarakat Melayu di daerah Alor Gajah, Melaka. Ini disebabkan ianya berkaitan rapat dengan masyarakat Melayu Minangkabau di Negeri Sembilan. Untuk tujuan tersebut kajian terpaksa dikaji dari tahun awal kedatangan orang Minangkabau ke-Melaka dan seterusnya kebudayaan yang dibawa oleh mereka. Bagi melihat perkembangan yang lebih mendalam, kajian dilakukan keatas perkembangan sejarah awal, sosial, ekonomi dan pentadbiran sejak dari awal iaitu zaman tradisional sehingga selepas merdeka. Secara umum dengan cara tersebut akan dapat dilihat perkembangan masyarakat dan Alor Gajah sendiri secara lebih jelas lagi. Oleh kerana itu tempuh kajian ini adalah bermula dari abad ke-15 sehingga abad ke 20 atau lebih tepat lagi ialah antara 1510an sehingga 1960 an.

PRAKATA

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

SEGALA PUJI-PUJIAN BAGI ALLAH YANG MAHA PEMURAH
LAGI MAHA PENYAYANG.
KEHADANYA AKU DATANG DAN KEPANYA JUA AKU KEMBALI
SEMUGA SEGALA USAHAKU DIBERKATI OLEHNYA.

Terlebih dahulu penulis ingin merakamkan segala ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Kobkua Suwannathat- Pian yang telah sudi memberi tunjuk ajar, bimbingan dan kritikan terhadap Latihan Ilmiah ini. Selaku Penyelia , segala pandangan dan ide yang dicurahkan akan sentiasa dikenang dan dihargai.

Disamping itu, penulis juga tidak melupakan jasa-jasa baik kaki- tangan Perputakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Awam Melaka, Muzium Melaka, Pejabat Perancang dan pelaksana Negeri Melaka dan terutamanya Pejabat Daerah Alor Gajah. Penulis mengucapkan jutaan terima- kasih diatas segala bantuan dan kemudahan yang telah diberikan bagi menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Akhir sekali penulis juga sangat terhutang budi kepada Datuk Undang Naning, Datuk Mohd Shah bin Said, Encik Jalil bin Osman, Encik Aziz bin Johar dan semua responden yang telah sudi dan penuh ikhlas memberikan kerjasama kepada penulis. Terima kasih juga tidak lupa ditujukan kepada Ketua Jabatan Sejarah, Encik Ahmat Adam yang begitu mengambil berat tentang kami dan memberi bantuan dalam menyelesaikan segala masalah terutama berhubung dengan kenderaan ke Arkib Negara Malaysia.

Segala kekurangan dan kelemahan yang terdapat di dalam Latihan Ilmiah ini adalah tanggungjawab penulis sendiri dan diharap sedia maklum.

Sekian, Wassallam.

5 hb, April 1984.

... CTBRIS....

SITI KALSUM MUHAMMAD JUNID,
Kampung Berisu,
Lubuk China,
Melaka.

SENARAI KEPENDEKAN

AOM	Agriculture Office Malacca.
Bil.	Bilangan.
DIDM	Drainage and Irrigation Department Malacca.
Hal.	Halaman.
JAMBRAS	Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society.
JIAEA	Journal of the Indian Archipelego and Eastern Asia.
JSBRAS	Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society.
MAR	Malacca Annual Report.
No.	Nombor.
Vol.	Volume.

PENDAHULUAN.

Kajian mengenai Naning telah lama menarik minat pengkaji-pengkaji samada pengkaji barat^I ataupun pengkaji tempatan.² Walau bagaimana pun kebanyakan kajian tersebut secara amnya adalah berkisar soal adat dan Perang Naning pada tahun 1831-2. Dalam latihan ilmiah ini, penulis tetap akan menyentuh aspek-aspek tersebut kerana ianya sememangnya merupakan perkara yang penting dalam kajian mengenai Naning. Namun apa yang lebih ditekankan oleh penulis ialah tinjauan mengenai perkembangan masyarakat Melayu di Alor Gajah dan penubuhannya sehinggalah kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku sepanjang zaman penjajahan dan seterusnya zaman selepas kemerdekaan. Tinjauan ini dibuat dalam semua aspek iaitu sejarah awal, sosial, ekonomi dan pentadbiran. Dengan itu dapat dilihat sejauh mana penglibatan masyarakat Melayu dalam sektor tersebut.

(i) Tujuan kajian.

Penulis akan membincangkan dua perkara yang penting iaitu pertama ialah melihat secara umum perkembangan yang berlaku

^I Antara pengkaji barat yang menulis mengenai Naning ialah seperti C.O. Blagden, "Minangkabau Custom-Malacca", JMBRAS, Vol.8, Part II, Singapore, 1930, J.L. Humphrey, "A Naning Wedding Speech", JSBRAS, May, 1916, Singapore, 1916 dan Shahba, Pesaka Naning, Sentosa Store, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 1951.

² Pengkaji tempatan yang mengkaji sejarah Naning ialah seperti Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Hikayat Abdullah, Djambatan, Jakarta, 1953. dan penulis-penulis untuk kajian latihan ilmiah peringkat sarjana seperti Zainal Kling, "Sistem Kekeluargaan di Melaka Utara, Latihan ilmiah untuk Sarjana, Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1967.

di Alor Gajah sejak dari awal tahun pembukaannya sehingga selepas zaman kemerdekaan. Kedua ialah meninjau perkembangan masyarakat Melayu secara mendalam di Wilayah Adat Perpatih Naning iaitu masyarakat yang mengamalkan adat perpatih di dalam daerah Alor Gajah. Kajian yang dikaji meliputi segala bidang iaitu sejarah awal, sosial, ekonomi dan pentadbiran.

Sebenarnya penulis ingin melihat dengan lebih jelas sebab-sebab Alor Gajah yang pada zaman tradisional bernama 'Naning' menjadi pilihan utama penempatan orang-orang Minangkabau daripada Sumatera. Oleh kerana itu ianya perlu dikaji sejak dari awal lagi iaitu bila ianya dibuka dan pecanggahan pendapat mengenainya. Untuk melihat perkembangannya secara umum adalah agak sukar kerana ianya memerlukan masa yang panjang. Oleh itu penulis mengecilkan daerah kajian kepada Wilayah Adat Perpatih Naning saja dan tumpuan yang diberikan adalah kepada masyarakat Melayu. Bagi mengetahui perkembangan masyarakat Melayu, perkembangan sejak awal lagi adalah diperlukan. Justeru kerana itu, tahun kajian yang dipilih terpaksa diambil dari tahun awal lagi iaitu sejak 1500 an sehingga selepas tahun 1900an. Hanya dengan cara ini, perkembangan dapat dilihat secara lebih jelas lagi walaupun secara am.

(ii) Bidang kajian.

Faktor utama penulis memilih dan menulis mengenai Alor Gajah ialah kerana kelebihan dan keistimewaan yang dimilikinya berbeza dengan daerah-daerah lain di Melaka. Keistimewaan di sini ialah mengenai soal adat yang terdapat di Alor Gajah ini. Daerah Alor Gajah ini mempunyai dua kawasan pengaruh adat iaitu kawasan yang mengamalkan adat perpatih dinamakan Wilayah Adat Perpatih Naning dan kawasan yang tidak mengamalkan adalah seperti kawasan lain di Melaka. Oleh sebab mukim yang menganut adat perpatih adalah lebih banyak dari mukim yang tidak mengamalkannya, maka daerah Melaka Utara lebih dikenali sebagai kawasan adat perpatih di Melaka. Di sinilah letaknya kelainan Melaka Utara daripada kawasan lain di Melaka. Keadaan ini menjadi lebih jelas setelah ditinjau perbezaan dari berbagai sudut dan aspek.

Penulis terpaksa meninjau dari tahun awalan lagi untuk menunjukkan bahawa Alor Gajah pada masa kini pernah mempunyai hubungan dengan Negeri Sembilan. Malahan penduduk Negeri Sembilan pada hari ini adalah berasal dari penduduk Minangkabau yang pada awalnya membuat penempatan di Alor Gajah. Di sini menunjukkan bahawa Alor Gajah yang pada zaman tradisional bernama 'Naning' mempunyai hubungan yang rapat dengan Negeri Sembilan. Naning juga merupakan salah sebuah negeri yang membentuk 'Negeri Sembilan asal' dan bersama-sama berada di bawah naungan negeri Johor pada zaman Portugis.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa Naning mempunyai lebih banyak persamaan dengan Negeri Sembila dari daerah-daerah lain di Melaka. Persamaan ini meliputi berbagai aspek seperti kebudayaan, sosial, ekonomi, agama, sejarah awal kecuali bahagian pentadbiran. Pentadbiran Naning telah diselaraskan dengan pentadbiran daerah-daerah lain di Melaka dan dikelolakan oleh pemerintah pusat di bandar Melaka.

Secara lebih jelas lagi, bidang kajian yang dilakukan adalah luas iaitu meliputi segalanya yang dianggap penting dan dapat menunjukkan perkembangan Alor Gajah. Oleh kerana itulah maka tahun kajian yang dilakukan juga adalah panjang iaitu bermula dari abad ke 15 sehingga abad ke 20. Dengan cara ini perkembangan yang ingin ditinjau akan menjadi lebih jelas dan diketahui pada tahap mana perkembangan bermula dan corak yang dicapainya.

Disamping itu penulis ingin menunjukkan polisi atau dasar yang dijalankan oleh penjajah di Melaka khasnya di Alor Gajah di dalam segala aspek. Ianya kemudian dibandingkan dengan polisi kerajaan selepas merdeka dan dari situ dapat dibuat perbandingan baik dari sudut pandangan negatif atau pun positif. Apa yang perlu ialah untuk melihat tahap-tahap perkembangan yang berlaku dalam berbagai zaman pemerintahan di daerah Alor Gajah.

(iii) Kaedah kajian.

Penulis menggunakan berbagai kaedah sepanjang masa kajian ini dijalankan. Kaedah-kaedah tersebut ialah seperti berikut;

Temuramah : Cara ini dilakukan dengan informan-informan. Ramai informan yang ditemui bagi tujuan memastikan segala bahan dan kebenaran fakta yang diperolehi daripada informan yang lain. Teknik ini digunakan apabila bahan bertulis mengenainya sangat berkurangan atau tiada langsung. Oleh kerana itu adalah perlu ianya diperolehi dengan cara lisan dan menemuramah sesiapa saja yang difikirkan mengetahui mengenai perkara ini khasnya peristiwa selepas merdeka.

Kajian perpustakaan : Kebanyakan^{an} bahan yang digunakan dalam kajian ini adalah diperolehi dari perpustakaan seperti perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, perpustakaan Universiti Malaya, perpustakaan Arkib Negara Malaysia dan perpustakaan Umum Negeri Melaka. Kajian di perpustakaan ini adalah lebih perlu dari cara lain kerana kebanyakan fakta dan sumber sejarah mengenai zaman awal adalah dari bahan bertulis. Walau bagaimana pun kebanyakan bahan ini ditulis oleh penulis barat yang mengkaji dan menulis mengikut pemahaman dan perspektif barat dan pandangannya yang tersendiri. Di sinilah letaknya tugas penulis untuk memastikan kebenaran tulisan tersebut dan sebagai bahan untuk mencari kepastian ini, penulis menggunakan kajian penulis tempatan dan temuramah dengan informan yang mengetahui bidang ini.

Pemerhatian : Sebagai seorang yang dibesarkan di dalam Wilayah Adat Perpatih Naning, penulis banyak menyaksikan sendiri perkara-perkara yang berlaku yang berkaitan dengan adat. Melalui pemerhatian, pergaulan dengan masyarakat dan perbualan penulis mendapati banyak perkara yang menarik mengenai Wilayah Adat Perpatih Naning. Justeru kerana itu penulis menggunakan cara ini sebagai salah satu cara untuk mendapatkan bahan yang ingin diperolehi.

(iv) Masalah kajian.

Masa yang diberi untuk membuat kajian ini adalah agak singkat iaitu lebih kurang lima bulan. Oleh kerana itu penulis menghadapi berbagai-bagai masalah seperti;

i - Bahan mengenai sumber zaman tradisional adalah sangat kurang.

Kebanyakan bahan yang ada ialah mengenai zaman British. Ini disebabkan kebanyakan penulis adalah terdiri dari pegawai British yang pernah bekerja di Tanah Melayu. Masalah yang paling ketara ialah mengenai kekurangan sumber ekonomi. Perkara ini berlaku adalah disebabkan laporan resmi hanya dibuat di zaman British iaitu selepas 1800an.

ii- Bahan-bahan yang ditulis oleh kebanyakan penulis mengenai Naning adalah dalam soal adat dan sosial. Oleh itu adalah sukar bagi penulis untuk mencari sumber ekonomi dan sejarah awal yang lebih lengkap. Walau pun tidak dinafikan terdapat juga bahagian ini

yang ditulis oleh kebanyakan penulis, tetapi ianya disentuh secara umum saja.

- iii- Bahan -bahan yang terdapat di perpustakaan Universiti Kebangsaan tidak mencukupi dan untuk tujuan mencari lebih banyak bahan, perpustakaan lain terpaksa di gunakan. Walau bagaimana pun bahan yang terdapat di Arkib Negara Malaysia masih juga tidak mencukupi. Banyak laporan resmi yang tidak terdapat di sini dan dikatakan bahawa bahan tersebut banyak disimpan di Arkib Selatan di Johor. Ini disebabkan Melaka termasuk didalam Zon Selatan. Adalah sukar untuk penulis pergi ke Johor memandangkan masa yang singkat disamping masalah tenaga dan kewangan.
- iv - Kajian ini mempunyai sekop yang luas dan jangkamasa yang panjang. Ini dilakukan adalah untuk melihat perkembangan Alor Gajah secara lebih jelas dalam segala bidang. Oleh sebab itu, kajian ini tidak dapat dilakukan dengan mendalam dan apa yang dipaparkan adalah perkembangan Alor Gajah secara am tetapi jelas.
- v - Masalah pemilihan fakta terutamanya sumber lisan sering timbul dan dalam soal ini penulis terpaksa menemuramah lebih ramai informan. Ini juga mendatangkan masalah kerana sumber yang diberikan terlalu banyak persamaan dengan sumber lisan dari informan yang lain. Apa yang sering berlaku ialah kebanyakan informan yang ditemui mengetahui persoalan yang dikemukakan tetapi tidak mengetahuinya secara lebih mendalam. Oleh itu penulis tidak memasukkannya sebagai responden yang ditemui.
- vi - Kekurangan masa, masalah kewangan serta jarak yang jauh antara rumah-rumah informan yang ditemui juga sering menimbulkan masalah.

Ini ditambah dengan kemudahan kenderaan yang agak terhad. Kedudukan Kedudukan rumah-rumah yang dikunjungi oleh penulis adalah jauh dari perhubungan jalanraya dan waktu perjalanan bas juga adalah terhad. Oleh kerana itu penulis terpaksa sering meminta bantuan orang lain. Selain daripada itu timbul juga masalah yang sukar untuk diselesaikan iaitu masa. Responden hanya boleh ditemui pada waktu petang iaitu waktu mereka tidak bekerja sedangkan waktu tersebut penulis menghadapi masalah kenderaan. Bagi menyelesaikan masalah tersebut, penulis lebih banyak menemuramah responden yang tinggal berdekatan dengan mukim kediaman penulis. Menurut Undang Naning, perkara ini tidak menjadi masalah kerana pengetahuan mengenai adat antara penduduk semua mukim adalah lebih kurang sama. Ini disebabkan apa jua perkara mengenai adat adalah dirujukkan kepada Undang.

Walaupun bagaimanapun segala masalah ini berjaya diatasi kerana ianya tidaklah begitu serius. Penulis telah menjangkakannya terlebih dahulu sebelum membuat penyelidikan Latihan Ilmiah ini.

PETA 1a

ALOR GAJAH

MELAKA
SELATAN

MELAKA
TENGAH

Nota :

— sempadan
daerah .

TAJUK : DAERAH - DAERAH
DI MELAKA .

SUMBER : ATLAS KEBANGSAAN
MALAYSIA .

BAB ISEJARAH AWAL(I) KEDUDUKAN AM.

Negeri Melaka terdiri daripada tiga daerah iaitu Melaka Utara, Melaka Tengah dan Melaka Selatan. Melaka Utara dikenali sebagai Alor Gajah dan Melaka Selatan pula dipanggil Jasin. Sementara Melaka Tengah pula dikenali sebagai bandar Melaka. Dari segi keluasan, Jasin adalah daerah yang terbesar dan diikuti oleh Alor Gajah dan Melaka Tengah. Bandingan keluasan daerah-daerah di Melaka ini boleh dilihat seperti di dalam jadual di bawah^I;

Jadual I Keluasan daerah-daerah di Melaka


Keluasan	Jumlah	Alor Gajah	Melaka Tengah	Jasin
Batu/per segi	637	258	114	265
Ekar(ribu)	408	165	74	169

Pada zaman tradisional, daerah Alor Gajah ini lebih dikenali sebagai Naning². Ia mempunyai keluasan 400 batu persegi iaitu putata 10 batu lebar dan 40 batu panjang. Dari segi geografi pula, Naning bersem-

^I Data ini diperolehi daripada fail Data Ilmu Alam Negeri Melaka pada tahun 1970, dari pejabat Daerah Alor Gajah.

² Pada zaman Portugis, Naning dipanggil 'Nany'. Lihat dalam R.O. Winstedt, "Negeri Sembilan ; The History, Polity and Beliefs of The Nine States", JMBRAS, Vol.I2, Singapore, 1934, hal. 45.

PETA 2a



SALIRAN DI ALOR GAJAH

sumber : Jabatan Perancang
dan Pelaksana Negari Melaka

padan dengan Johol dan Muar di sebelah Timur. Sementara sebelah baratnya pula ialah Selat Melaka dan Rembau terletak di sebelah Utara. Berhubung dengan garis sempadan ini, Newbold menjelaskan bahawa sempadan Naning;

... commence at Qualla Sungie Jernie; thence to Bukit Bertam; thence to Jirat Gunjie, Lubo Talan, Dusun Songa to Bukit Putus.... The boundary of Naning, with Johole is a line extending from Bukit Putus to Bukit Battang Malacca, and terminating at Mount Ophir....³

Daerah Alor Gajah ini terletak pada garis lintang 2°16'U hingga 2°30'U dan garis bujur 102°T hingga 102°22' T.⁴ Permukaan bumi Alor Gajah adalah terdiri daripada bukit-bukau yang rendah dan tanah lembah yang datar.⁵ Bukit yang tertinggi ialah Bukit Pancar dengan ketinggian lebih kurang 861 kaki. Alor Gajah mempunyai tiga buah sungai (walaupun sukar dipanggil sungai kerana saiznya yang kecil dan lebih wajar dipanggil saluran) iaitu Sungai Rembau, Sungai Melaka dan Sungai Lendu. Sungai-sungai ini terutamanya Sungai Melaka

³ T.J.Newbold, British Settlements In The Straits Off Malacca, Vol. I, Oxford University Press, 1934, hal. 45. (Terjemahan: ... bermula dari kuala Sungai Jernih dan dari situ terus ke Bukit Bertam. Kemudian ia bersambung ke Jirat Gunjie, Lubo Talan, Dusun Songa dan terus ke Bukit Putus.... Sempadan Naning dengan Johol pula ialah garis yang bermula dari Bukit Putus ke Bukit Batang Melaka dan berakhir di Gunung Ophir iaitu Gunung Ledang).

⁴ Peta Atlas Kebangsaan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1977, hal.15.

⁵ Emmanuel Godinho de Eredia, "Description Of Malacca", JMBRAS, Vol.8, Singapore, 1930, hal. 2. Untuk keterangan lebih lanjut sila lihat T.J., Newbold, ibid., hal.192.

adalah merupakan alat perhubungan yang penting bagi membawa barang-barang dagangan antara pelabuhan Melaka dengan kawasan pedalaman Melaka.

Jumlah mukim di dalam daerah Alor Gajah ialah sebanyak 32 buah pada tahun 1832 tetapi keadaan ini jauh berbeda pada tahun 1891.⁶ Jumlahnya tinggal dua puluh empat buah saja iaitu berkurangan sebanyak lapan buah mukim. Perkara ini berlaku adalah disebabkan oleh perubahan yang dilakukan keatas nama mukim-mukim. Terdapat nama mukim-mukim yang kurang penting pada tahun 1832 telah dijadikan satu dan dimasukkan di bawah satu mukim saja pada tahun 1891. Hanya mukim yang lebih besar saja disenaraikan di dalam jumlah mukim-mukim di Alor Gajah pada tahun 1891. Namun demikian, jumlah mukim-mukim Alor Gajah ini berubah lagi pada tahun 1970 iaitu jumlahnya menjadi tiga puluh satu buah mukim dan angka ini kekal sehingga kini. Perubahan nama-nama mukim pada tahun 1832,⁷ 1891⁸ dan 1970⁹ boleh dilihat seperti di dalam senarai nama di dalam jadual II di sebelah;

⁶ Sebelum zaman British, Naning tidak mempunyai mukim. Pada masa itu Naning dikenali sebagai sebuah kawasan iaitu 'luak' sahaja dan sekiranya ingin mengenali penduduknya berasal dari mukim mana, nama sukunya digunakan sebagai pengenalan diri. Maklumat ini diterima dari temuduga dengan Datuk Undang Naning, Mohd Shah bin Said pada 18 hb. Desember, 1983.

⁷ P.J., Begbie, The Malayan Peninsula, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974, hal. 149. Tahun 1832 digunakan sebagai tahun permulaan ialah disebabkan tiada terdapatnya sumber mengenai data mukim di Naning sebelum tarikh tersebut.

⁸ E.M. Merewether, Report On The Census Of The Straits Settlements: 1891, Government printing Office, Singapore, 1892, hal. 143.

⁹ Dipetik dari fail Jumlah Penduduk Mukim-mukim Alor Gajah pada tahun 1970, dari Pejabat Daerah Alor Gajah.

Nama mukim-mukim di Alor Gajah pada tahun 1832, 1891, 1970.

Jadual II.

Bil.	1832	1891	1970
I	Soongie Sipoot	Sungai Siput	Sungai Siput
2	Soongie Booloo	Sungai Buluh	Sungai Buluh
3	Ayer Pahaber	Air Paabas	Air Paabas
4	Loondoo	Lendu	Lendu
5	Brissoo	Berisu	Berisu
6	Mullikee dan Batang Melaka	Melekek	Melekek
7	Taboo dan Churanah Putih	Taboh Naning	Taboh Naning
8	Sebang	Padang Sebang	Padang Sebang
9	Gadi	Gadek	Gadek
10	Malacca Pinda	Melaka Pindah	Melaka Pindah
II	Pegoh	Pegoh	Pegoh
12	Taboong	Tebong	Tebong
13	Soongie Gagoo	Kemuning	Kemuning
14	Padang Besar	Pulau Sebang	Pulau Sebang
15	Lurian Paroot	Ramuan China Besar	Ramuan China Besar
16	Kamvour	Ramuan China Kechil	Ramuan China Kechil
17	Alu- Gaja	Rembia	Rembia
18	Jalatang	Sungai Baru Hulu	Sungai Baru Hulu
19	Ganoon	Sungai Petai	Sungai Petai
20	Daloom	Tanjung Rimau	Tanjung Rimau
21	Ayer Panas	Nyalas	Masjid Tanah
22	Inar	Bukit Singgeh	Parit Melana
23	Pooloo	Batang Melaka	Beringin
24	Kamoorung	Jus	Durian Tunggal
25	Ayer Booloo		Kelemak
26	Ampangan Serang		Belimbing
27	Janatang		Sungai Baru Hilir
28	Pandoog		Sungai Baru Tengah
29	Pangkallan Nanning		Kuala Linggi
30	Galana		Kuala Sungai Baru
31	Calliati		Macap
32	Looboo Kepoong		

Dari senarai nama-nama di sebelah, adalah jelas dapat dilihat nama mukim-mukim yang terus kekal pada tahun 1891 hingga tahun 1970 dan sehingga masakini. Mukim-mukim yang terus kekal daripada tahun 1832 sehingga kini ialah sebanyak dua belas mukim iaitu Sungai Siput, Sungai Buloh, Air Paabas, Lendu, berisu, Melekek, Tabuh Naning, Padang Sebang, Gadek, Melaka Pindah, Pegoh dan Tebong. Kejayaan mukim-mukim ini mengekalkan namanya dalam senarai kawasan Alor Gajah ialah besar kemungkinan adalah disebabkan oleh kadar penduduknya yang tinggi dan seterusnya menjadi pusat penempatan yang agak penting. Menjelang tahun 1891, jumlah mukim di Alor Gajah berkurangan menjadi dua puluh empat buah mukim saja. Mukim yang terdapat pada tahun 1832 tiada terdapat lagi pada tahun 1891 malahan wujud mukim-mukim baru. Mukim-mukim baru tersebut ialah Kemuning, Pulau Sebang, Ramuan China Besar, Ramuan China Kecil, Rembia, Sungai Baru Hulu, Sungai Petai, Tanjung Rimau, Nyalas, Bukit Singgeh, Batang Melaka dan Jus. Mukim Batang Melaka yang disatukan dengan Mullikee pada tahun 1832 telah menjadi sebuah mukim saja iaitu diasingkan pada tahun 1891 dan terus tiada lagi menjelang tahun 1970. Menjelang tahun 1970 telah wujud lebih banyak lagi mukim sehingga menjadikan mukim di Alor Gajah berjumlah tiga puluh satu buah mukim. Mukim-mukim baru tersebut ialah Masjid Tanah, Parit Melama, Beringin, Durian Tunggal, Kelemak, Belimbing, Sungai Baru Hilir, Sungai Baru Tengah, Kuala Linggi, Kuala Sungai Baru dan Macap. Perubahan nama mukim ini bukan bermakna mukim yang ada pada tahun 1832 akan lenyap begitu saja pada tahun 1891 dan 1970. Ianya masih ada tetapi kedudukannya saja yang berlainan iaitu ia telah

menjadi kampung atau solok. Tarafnya telah menjadi lebih rendah dan tidak lagi menjadi sebuah mukim. Contohnya Ceranah Putih, Pengkalan Naning dan Lubok Kepong adalah merupakan mukim pada tahun 1832 tetapi pada tahun 1832 dan 1970 sehingga kini, mukim ini masih ada tetapi ianya hanya sebagai Solok saja.

Dilihat dari sudut kependudukan, daerah Alor Gajah menunjukkan perkembangan yang agak baik dan pesat. Ini boleh dilihat dari jumlah penduduk yang terdapat di Alor Gajah pada tahun 1832, 1891 dan 1970. Data jumlah penduduk ini boleh dilihat di dalam rajah III di bawah;

Rajah III

Jumlah Penduduk Alor Gajah pada tahun 1832, 1891 dan 1970.

Daerah/Tahun	1832	1891	1970
Alor Gajah	1160	13,298	114,528

Daripada data ini, dapat dilihat dengan teliti bahawa perkembangan kependudukan di Alor Gajah adalah agak baik dan pesat. Buktinya pada tahun 1832, penduduknya hanya berjumlah seramai 1160 orang saja tetapi menjelang tahun 1891 iaitu 59 tahun kemudiannya, penduduknya meningkat kepada 13,298 orang. Ini bermakna angka pertumbuhan pendu-

¹⁰ Data lengkap mengenai jumlah penduduk Alor Gajah pada tahun 1832, 1891 dan 1970 boleh dilihat di bahagian lampiran latihan ilmiah ini. (lampiran I, II, III)

duknya ialah 12,138 orang antara tahun 1832 sehingga 1891. Angka penduduk ini terus meningkat kepada 114,528 orang dengan pertambahan seramai 101,230 orang dalam tempoh 79 tahun (1970). Secara ringkasnya dari 1.7% pertambahan penduduk antara tahun 1832-1891 telah meningkat kepada 12.9% pada tahun 1970.^{II} Pertambahan peratusan penduduk yang tinggi ini menunjukkan bahawa Alor Gajah mempunyai potensi yang baik sehingga berjaya mencapai angka melebihi 100,000 orang menjelang tahun 1970. Perkara ini lebih jelas lagi jikalau dilihat daripada perbandingan dengan kawasan Melaka Tengah dan Melaka Selatan. Untuk melihat angka ini dengan lebih jelas lagi, sila lihat data di dalam rajah 4 di bawah ini;^{I2}

Rajah 4 : Keluasan dan penduduk kawasan-kawasan di Alor Gajah.

Luas & penduduk	Jumlah	Alor Gajah	Melaka Tengah	Jasin
Luas batu persegi	637	258	114	265
Penduduk	404,153	114,528	204,800	84,800
Padat Penduduk (orang/batu persegi)	634	444	1796	320

^{II} Pengiraan dan peratusan pertambahan penduduk Alor Gajah ini adalah dibuat oleh penulis sendiri berdasarkan data di dalam rajah III.

^{I2} Data ini diambil dari fail Jumlah Keluasan dan Penduduk Melaka pada tahun 1970, dari Pejabat Daerah Alor Gajah.

Di dalam rajah 4 di sebelah, adalah jelas menunjukkan bahawa Jasin mempunyai keluasan yang lebih daripada Alor Gajah iaitu sebanyak 7 batu persegi. Namun dari segi kependudukan, daerah Alor Gajah mempunyai jumlah penduduk yang lebih tinggi daripada Jasin. Buktinya di dalam daerah Jasin, kepadatan penduduknya hanya 320 orang saja bagi satu batu persegi sedangkan jumlah keluasannya ialah 265 batu persegi. Ini berbeza dengan Alor Gajah dimana walaupun keluasan-nya adalah kurang sedikit iaitu 258 batu persegi, namun kepadatan penduduknya adalah lebih tinggi iaitu 444 orang bagi satu batu persegi. Bagi Melaka Tengah adalah tidak perlu dipersoalkan lagi kerana kedudukannya yang terletak di bandar Melaka membolehkannya menjadi pusat tumpuan perniagaan dan penduduk.

Pada zaman tradisional, daerah Alor Gajah ini dikenali sebagai Wilayah Naning. Ibu negerinya ialah Taboh.¹³ Sementara itu pada masa itu Alor Gajah (Alu-Gaja) adalah hanya sebagai salah sebuah mukim saja di dalam Wilayah Naning tersebut. Taboh dijadikan ibu negeri adalah kerana kedudukannya yang jauh ke Utara sesuai untuk menjadi tempat perkubuan yang selamat dari serangan musuh.¹⁴ Musuh Naning pada zaman tradisional ialah penjajah Melaka sendiri iaitu Portugis dan Belanda. Adalah menjadi harapan Ketua Naning bahawa dengan kedudukan Tabuh yang jauh ke Utara akan menyebabkan kurangnya minat penjajah untuk campurtangan dan mengambil berat tentang hal ehwal

¹³ T.J. Newbold, Op.cit., Vol.I, hal. 225

¹⁴ Tabuh terletak dua puluh dua batu ke barat laut Melaka. Dipetik dari T.J. Newbold, Op.cit., hal.2.

Naning. Keadaan ini terbukti di zaman Portugis dan Belanda dimana Naning tidak mempunyai hubungan yang rapat dengan penjajah di bandar Melaka kecuali dikehendaki membayar cukai dan sejumlah satu persepuluh daripada hasil keluaran tahunan Naning sebagai tanda dibawah kekuasaan Portugis dan Belanda.^{I5}

Ketua Naning yang dipanggil Penghulu juga bermastautin di Tabuh.^{I6} Adalah telah menjadi satu kebiasaan bagi masyarakat Melayu suka menjadikan sesuatu kawasan yang di diami oleh Ketua mereka sebagai ibu pusat. Selain daripada itu, masyarakat Naning juga lebih senang menjalani kehidupan dengan cara yang mudah dan oleh kerana itu keamanan dan keselamatan adalah sangat penting. Masyarakat Naning pula dikatakan seboleh-bolehnya ingin mengekalkan corak kehidupan mereka sebagaimana di Minangkabau iaitu tempat asal mereka.^{I7} Mereka suka tinggal di kawasan pendalaman dan menjalankan pertanian secara kecil-kecilan seperti menanam padi dan bercucuk tanah. Disamping itu kedudukan Tabuh yang terletak ke Utara adalah berhampiran dengan Rembau dan negeri-negeri Sembilan yang lain. Ini adalah

I5

Keterangan mengenai bayaran cukai yang dikenakan oleh Portugis dan bayaran satu persepuluh daripada keluaran tahunan Naning akan dibincangkan di dalam bab ekonomi iaitu bab tiga.

I6

Tabuh Naning ialah dua mukim yang berlainan iaitu Tabuh dan Naning. Nama Tabuh telah diambil sempena nama suatu alat yang diperbuat daripada kayu yang digantung di surau. Alat ini akan dipalu atau diketuk dengan kayu untuk memberitahu penduduk sekeliling jikalau berlaku sesuatu perkara seperti peperangan, pergaduan, kematian dan waktu sembahyang. Adalah dipercayai juga bahawa Tabuh ini akan berbunyi sendiri jika berlaku sesuatu perkara yang buruk. Naning pula adalah berasal daripada nama sejenis serangga yang terdapat di sebatang pokok di Pulau Lilang Tiga Sejajar. Temuduga dengan Datuk Undang Naning, Mohd Shahin Said pada 18 hb. Desember, 1983.

I7

Sila lihat bab II untuk keterangan dengan lebih lanjut lagi.



No. I

Gambar ini menunjukkan Tabuh iaitu alat yang digunakan untuk berbagai tujuan seperti menandakan ada kematian atau kecemasan atau pun masuknya waktu sembahyang. Ianya di buat daripada kayu dan dipalu apabila ingin digunakan. Ditengahnya berlubang supaya ianya lampung dan diujung sebelah atas sipasang dengan sejenis kulit binatang. Selalunya kulit kerbau. Tujuannya supaya Tabuh tersebut mengeluarkan bunyi yang nyaring dan didengari oleh seluruh penduduk. Masakini ianya tidak digunakan lagi kerana terdapatnya alat pem- besar suara yang lebih berkesan. Oleh kerana itu Tabuh tersebut diletakkan di atas siling masjid tersebut.

Perhatian: A-menunjukkan lubang yang terdapat ditabuh sebagai tanda tabuh ini berlubang didalamnya.

B-Bahagian dimana kulit binatang dipasang untuk menyaringkan suara paluan tabuh.

perlu memandangkan terdapatnya banyak persamaan dalam bidang sosial, ekonomi dan kebudayaan antara kedua-dua kawasan ini. Naning dan Negeri Sembilan sama-sama mengamalkan sistem Adat Perpatih. Adalah dikatakan bahawa penduduk Negeri Sembilan sebenarnya adalah dari Naning. Orang Minangkabau ini telah datang ke Melaka pada zaman Kesultanan Melayu Melaka melalui Sungai Melaka dan Sungai Linggi.¹⁸ Mereka sampai di Naning lalu membuat penempatan kerana didapati kawasan pendalaman yang berbukit-bukau serta disaliri oleh sungai mempunyai persamaan dengan tempat asal mereka di Minangkabau. Sebagai bangsa yang gemar meneroka, orang Minangkabau ini cuba sedaya upaya untuk meneroka lebih jauh lagi ke utara atau pun ke kawasan pendalaman bagi menambahkan pendapatan mereka. Pada mulanya orang Minangkabau ini berhijrah ke Sungai Ujong dan Jelebu kerana tertarik dengan usaha perlombongan bijih timah yang dijalankan di sana. Hasil hutan seperti rotan dan buah-buahan juga merupakan sumber bagi mendapatkan tambahan pendapatan. Lama kelamaan apabila didapati tanah di Negeri Sembilan subur untuk pertanian, maka berlaku perpindahan yang lebih galak lagi sehingga tahun 1800an. Kepadatan penduduk Naning juga merupakan salah satu faktor yang menggalakkan kepada perpindahan penduduk Naning ke Negeri Sembilan.

18

Musa bin Bulat, " Pentadbiran di masyarakat Naning : Dahulu dan sekarang.", Melaka dan Sejarahnya, Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Melaka, Melaka, 1983, hal. 161. Lihat juga Wilkinson, Papers On Malay Subjects: 1907-1916, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971, hal. 291.

Tabuh terus kekal menjadi ibu negeri kepada Wilayah Naning sehingga tahun 1832.¹⁹ Selepas tamat peperangan Naning pada tahun 1832, berlaku perubahan dalam pemilihan ibu negeri. British telah mengubah ibu negeri Wilayah Naning daripada Tabuh kepada Alor Gajah. Pada zaman tradisional, Alor Gajah hanya merupakan sebuah pekan yang kecil dan terletak di mukim yang bernama Alor Gajah. Mukim Alor Gajah ini terletak di tengah-tengah daerah Wilayah Naning. Pekan Alor Gajah ini merupakan pusat pengumpulan tentera British kerana kedudukan Alor Gajah yang hanya 15 batu saja daripada bandar Melaka. Ini membolehkan British di Alor Gajah berhubung dengan pusat kawalan di bandar Melaka.²⁰ Kubu pertahanan Inggeris di Alor Gajah ini dibina oleh Brigadier Wilson pada tahun 1834 demi untuk menjaga keselamatan tentera British di Alor Gajah yang lebih dikenali sebagai 'Fort Lismore'.²¹

British bertindak mengubah kedudukan ibu negeri daerah Alor Gajah adalah berdasarkan kepada motif-motif yang tertentu. Dengan cara mengekalkan kubu pertahanan British di Alor Gajah, adalah keselamatan British lebih kukuh dan terjamin. Ini adalah perlu memandangkan jumlah tentera British yang tidak begitu ramai. Di-

19

R.O., Winstedt, *Op.cit.*, Vol.I, hal. 45. Faktor kepadatan penduduk tidak boleh dikira sebagai salah satu sebab Tabuh dijadikan ibu-negeri. Ini disebabkan jumlah rumah yang terdapat di Tabuh (termasuk Churanah Putih) pada tahun 1832 hanya 21 buah saja. Keadaan ini jauh beda dari mukim Sebang yang mempunyai 216 buah rumah dan dari keseluruhan 1160 buah rumah di Alor Gajah pada tahun 1832. Lihat juga P.J., Begbie, *The Malayan Peninsula*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967, hal. 149.

20

T.J. Newbold, *Op.cit.*, Vol.I, hal.228.

21

Ibid., hal. 191.

samping itu adalah sukar untuk mencari tempat baru yang lain dan tentu akan memakan masa dan belanja yang lebih lagi.²² Namun faktor yang paling utama ialah percubaan British untuk mengurangkan kuasa ketua atau Penghulu Naning. Satu cara yang difikirkan oleh British dapat membantu rancangannya ini ialah memasukkan Naning ke dalam pentadbiran di bandar Melaka dan memindahkan ibu negerinya. Dengan cara ini adalah lebih mudah bagi British untuk mentadbir kawasan di bawah pengaruhnya selaras dengan daerah-daerah yang lain. Tujuan British ini jelas pada tindakannya yang dikenakan keatas Penghulu Naning iaitu Dol Said (Penghulu yang memerintah Naning semasa penaklukan British di Naning). Penghulu Naning tidak dibunuh tetapi dimaafkan malahan diberi sebuah rumah dan tanah kerana sanggup menyerah kalah. Penyerahan diri ini bagi British adalah tanda sebagai patuh kepada kekuasaannya di Melaka.²³ British sedar hanya dengan cara diplomasi yang baik saja dapat memujuk penduduk Naning yang dikatakan suka memberontak atau mengamuk dan tidak membunuh ketua mereka.²⁴

Disamping itu, keengganan British menjadikan Tabuh sebagai pusat pentadbiran British di Alor Gajah adalah disebabkan keadaan Tabuh yang kurang memuaskan dari segi kesihatan. Terdapat banyak penyakit di Tabuh seperti Tokah, Kusta, Kolera, Angin Taawan, Cacar dan keadaan ini adalah disebabkan oleh bukit dan hutan yang tebal sehingga sukar mendapat udara yang bersih. Ini memudahkan penghuni kawasan ini men-

²² Rev.P.Pavre, "A Journey in the Menangkabau States of the Malay Peninsula", *JIAEA*, Series I (3), 1849, hal. 153.

²³ R.O. Winstedt, *Op.cit.*, Vol.I, hal.67

²⁴ Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Kebangkitan Anti British di Semenanjung Tanah Melayu", Kongres Sejarah Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, 10-12 april, 1978, hal.5.

dapat berbagai-bagai penyakit dan keadaan seperti ini yang ditakuti oleh Inggeris.²⁵ Tindakan British menjadikan pekan Alor Gajah ini sebagai pusat pentadbiran daerah Melaka Utara ini adalah baik dan ber-sesuaian dengan pembangunan. Keadaan ini jelas pada masakini dimana Alor Gajah merupakan kawasan tumpuan ekonomi, sosial dan pentadbiran. Terdapat Balai Polis, Rumah Sakit, Pejabat Pos, sekolah dan Pejabat Daerah Alor Gajah. Namun apa yang sering berlaku pada masa kini ialah tentang salah tafsir perkataan 'Alor Gajah' itu sendiri. Alor Gajah ialah nama bagi daerah Melaka Utara dan ibu pusatnya ialah pekan Alor Gajah. Namun apa yang difahamkan oleh orang ramai ialah bahawa Alor Gajah itu hanyalah pekan Alor Gajah saja dan kawasan lain adalah mengikut nama mukim masing-masing. Sementara itu Tabuh kekal sebagai pusat adat sehingga kehari ini.²⁶

II : ASAL USUL NAMA ALOR GAJAH.

Sejarah awal nama daerah Alor Gajah ini sebenarnya masih kabur dan tidak terdapat bahan-bahan yang bertulis mengenainya. Kebanyakan tulisan penulis-penulis barat hanya menyentuh tentang Naning secara keseluruhan dan tidak menekan kepada Alor Gajah. Ini adalah disebabkan pada masa itu, Alor Gajah tidak begitu penting dan tentu sekali ianya tidak pernah diketengahkan. Namun demikian asal-usul nama Alor Gajah ini boleh diperolehi daripada sumber lisan melalui perbualan dengan penduduk Alor Gajah. Satu perkara yang jelas di-

²⁵ T.J.Newbold, Op.cit., Vol. I, hal.I97.

²⁶ Temuduga dengan Aziz bin Johar pada 27 hb. Desember, 1983.

dapati oleh penulis ialah tentang persamaan corak cerita. Kebanyakan cerita adalah berkisar kepada kisah sekumpulan gajah yang terdapat di-Naning pada masa dahulu. Keadaan ini tidaklah begitu menghairankan memandangkan kawasan Alor Gajah pada masa itu adalah dipenuhi dengan hutan tebal.²⁷ Perkara ini diakui sendiri oleh Valentyn dalam penerangannya mengenai Melaka. Valentyn mengatakan bahawa seorang rakannya, Van Naarssen pernah diserang oleh seekor harimau. Malahan menurut beliau terdapat juga binatang liar yang lain termasuk gajah.²⁸ Adalah besar kemungkinan gajah-gajah tersebut yang dijumpai di Alor Gajah oleh penduduk tempatan pada masa dahulu,

Daripada cerita-cerita yang diperolehi, penulis menyimpulkan bahawa nama 'Alur Gajah' ini adalah mengambil sempena nama sekumpulan gajah. Perkataan 'alur' di sini dimaksudkan sebagai lorong atau bekas laluan dan ianya adalah bekas laluan kumpulan gajah. Ada setengah pendapat mengatakan gajah-gajah ini digunakan untuk mengangkut barang-barang dagangan antara Rembau.²⁹ Kedua negeri ini berhubung rapat kerana mempunyai banyak persamaan baik dari segi sejarah awal, sosial, budaya, agama serta kedudukan negerinya yang bersempadan. Menurut Begbie pula, semasa tentera Belanda cuba menye-

²⁷ T.J.Newbold, Op.cit., Vol. I, hal.I2.

²⁸ D.F.A.Hervey, " Valentyn's Description Of Malacca", JSBRAS, Vol.I3, 1965, hal. 50

²⁹ Temuduga dengan P. Sudin bin Abdul Rahman pada 20 hb. Desember, 1983. Maklumat ini diperolehinya melalui cerita lisan dari orang-orang yang lebih tua daripadanya.



No.2

Gambar pekan Alor Gajah dan padang di tengah-tengah pekan tersebut ialah untuk pelbagai tujuan. Di padang tersebutlah dikatakan tempat 'berkubang'nya sekumpulan gajah yang dijumpai di Alor Gajah. Nama 'Alor Gajah' sendiri adalah sempena nama sekumpulan gajah tersebut.

rang Naning pada tahun 1641, empat ekor gajah telah digunakan untuk mengangkut barang-barang.³⁰ Lorong bekas laluan gajah-gajah ini kemudiannya diperbesarkan lagi dengan menebas semak samun di sepanjang lorong tersebut oleh tentera Belanda. Apabila British mengalahkan Belanda pada tahun 1795, askar British telah memperbesarkan lagi lorong tersebut untuk memudahkan perjalanan³¹ ekspedisi British. Namun demikian lorong tersebut tidak sampai ke Tabuh kerana askar Belanda tidak jadi meneruskan rancangannya untuk memerangi Naning.³¹ Oleh itu dengan kata lain, Alor Gajah adalah merupakan tempat sekumpulan gajah berkeliaran dan dikatakan pekan Alor Gajah masakini adalah merupakan tempat perkubangan gajah-gajah tersebut pada masa dahulu.

III : HUBUNGAN AWAL NANING DENGAN PENJAJAH.

GAMBARAN AWAL SECARA AM:

Sebelum kedatangan Portugis , Melaka merupakan kawasan perdagangan yang maju di Nusantara dan dianggap sebagai Mastika Timur. Hasil perdagangannya yang lumayan adalah bergantung kepada kedudukannya yang strategik iaitu berada di pertengahan jalan perdagangan antara Timur dan Barat. Keadaan ini menyebabkan banyak kuasa barat yang ber-

30

P.J.Begbie, Op.cit., hal. 51.

31

Keterangan ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bahagian hubungan Naning-Belanda di dalam bab ini kelak.

lumba-lumba untuk menakluki Melaka. Kuasa-kuasa barat yang menguasai Melaka adalah seperti di bawah;

Portugis	-	tarikh	-	1511 - 1641.
Belanda	-		-	1641 - 1795.
British	-		-	1795 - 1818.
Belanda	-		-	1818 - 1824.
British	-		-	1824 - 1942.
Jepun	-		-	1942 - 1945.
British	-		-	1945 - 1957.
Merdeka	-		-	1957 - Masakini.

Perubahan pemerintahan ini telah membawa berbagai-bagai corak pentadbiran di Melaka.

(A) NANING SEMASA PEMERINTAHAN KERAJAAN MELAYU MELAKA.

Melaka adalah sebuah bandar pelabuhan yang menjadi jambatan antara Timur dengan barat. Pedagang-pedagang samada daripada Timur atau Barat akan terpaksa singgah di Melaka sementara menantikan Angin Monsun Timurlaut atau Baratdaya. Semasa di Melaka, mereka menjalankan perniagaan dan berjual beli dengan pedagang yang datang berdagang di Melaka dan penduduk tempatan. Perdagangan yang maju ini membolehkan Melaka menjadi sebuah kuasa yang kuat di Nusantara semasa sebelum kedatangan Portugis. Melaka mempunyai banyak jajahan takluk seperti Johor, Pahang dan negeri-negeri di pinggir laut Timur Sumatera. Apabila Portugis menyerang dan mengalahkan Melaka pada

tahun 1511, Sultan Melaka iaitu Sultan Mahmud Shah telah lari ke-Muar, kemudian ke Johor dan seterusnya lari ke Pahang. Akhirnya baginda kembali semula ke Johor dan meneruskan pemerintahan dari Johor.³²

Dengan kejatuhan Melaka, bermakna Naning turut termasuk kedalam kekuasaan Portugis di bandar Melaka. Sebelum ini perlu diketahui bahawa sejak awal kurun kelima belas, Naning telah wujud dan terlibat dalam politik Melaka. Penglibatan Naning dalam politik di Melaka ini jelas dalam tulisan orang-orang Portugis;

...In 1586, the Minancabos cooperated with the King of Johore by devastating the country side and cutting off supply from Malacca. A Portuguese force captured Naning with much bloodshed. 33

Walaupun Naning dimasukkan ke bawah kekuasaan Portugis di Melaka tetapi secara tidak ketara Naning masih terikat dan tunduk di bawah kekuasaan Johor. Ini jelas dalam soal-soal adat, agama dan kebudayaan dimana Naning masih lagi merujuk kepada Johor. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan oleh dasar Portugis sendiri. Portugis gagal menunjukkan kekuasaan yang sepenuhnya keatas Naning kerna bidang kuasanya adalah terhad. Portugis tidak mempunyai bilangan tentera

32

T.J.Newbold, Op.cit., Vol.I, hal. 197.

33

"Zainal Kling, Sistem Kekeluargaan di Melaka Utara, Latihan-Ilmiah Sarjana, Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969, hal. 19. (Terjemahan: Pada tahun 1586, orang Minangkabau telah bekerjasama dengan Sultan Johor dalam penyerangan keatas Naning (Portugis) dan memutuskan bekalan daripada Melaka. Angkatan Portugis menawan Naning melalui pertembungan darah. Lihat juga Winstedt, Op.cit., hal. 44.

yang mencukupi untuk mengawal seluruh negeri Melaka.³⁴ Portugis juga tidak mempunyai masa untuk meninjau hal ehwal kawasan pendalaman Melaka Utara kerana sibuk menguruskan perdagangan antarabangsa di bandar Melaka. Bandar Melaka juga tidak memerlukan apa-apa bantuan dari kawasan lain di Melaka walaupun dalam bidang pertanian. Ini adalah disebabkan segala bekalan telah diperolehi daripada perdagangan antara bangsa.³⁵ Oleh kerana itu kepentingan Naning bagi Portugis adalah kurang jika dibandingkan dengan negara lain yang berdagang di bandar Melaka dan keadaan ini digunakan oleh Naning untuk terus berhubung rapat dengan Johor.

Naning juga berbaik dengan negeri-negeri di Negeri Sembilan dan perkara ini tidak menjadi persoalan kerana Naning pernah menjadi sebahagian daripada Negeri Sembilan. Menurut Newbold, negeri-negeri yang dikatakan membentuk Negeri Sembilan asal ialah Segamat, Johol, Naning, Sungai Ujong, Jelebu, Rembau, Klang, Jelai dan Ulu Pahang.³⁶ Lister juga mempunyai pendapat yang sama dengan pendapat Newbold, walaupun Lister menggantikan Ulu Pahang dengan nama Pasir

34

Penduduk dan tentera Portugis di Melaka dilaporkan tidak pernah mencapai angka yang tinggi malahan sepanjang pendudukannya di Melaka, tidak pernah sekali pun dalam suatu masa, jumlah mereka melebihi 600 orang. Pernah suatu masa jumlahnya kurang daripada 200 orang. Lihat Ian A. MacGregor, "Notes On the Portuguese In Malaya," JMBRAS, Vol. XXVIII(28), part 2, 1955, hal. 6.

35

Muhd. Yusuf Ibrahim, "Beberapa Aspek Masyarakat Melaka Zaman Kesultanan," Melaka dan Sejarahnya, Persatuan Sejarah Malaysia, cawangan Melaka, 1982, hal. 16.

36

T.J.Newbold, Op.cit., Vol.II, hal. 78-79.

Besar.³⁷ Sejarawan lain yang sependapat dengan Newbold dan Lister ialah Para dan Mackray,³⁸ Wilkinson³⁹ dan Winstedt.⁴⁰ Tarikh penubuhan Negeri Sembilan asal ini secara tepatnya masih belum dapat dipastikan lagi. Namun oleh kerana Negeri Sembilan asal ini merupakan gabungan negeri-negeri, maka ianya mesti wujud selepas daripada wujudnya negeri-negeri di bawahnya. Newbold berpendapat bahawa Rembau dibuka pada tahun 1388.⁴¹ Namun demikian tiada pula disebut tentang Negeri Sembilan di dalam Sejarah Melayu yang dihasilkan pada tahun 1612.⁴² dan juga di dalam 'Description Of Malacca' yang dihasilkan oleh Emmanuel Godinho de Eredia pada tahun 1613.

37

M.Lister, "The Negeri Sembilan: Their Origin and Constitution", JSBRAS, Vol.19, Singapore, 1887, hal.39.

38

C.W.C.Parr and W.H.Mackray, "Rembau: Its History, Constitution and Customs, JSBRAS, Vol. 56, Singapore, 1956, hal. 46.

39

Wilkinson menggantikan Johol dengan Inas dan Ulu Pahang dengan Pasir Besar. Lihat R.J.Wilkinson, Papers On Malay Subjects- 1907-1916, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971, hal.290.

40

Winstedt, Op.cit., hal. 41. Beliau mengatakan Negeri Sembilan masih belum ada semasa Portugis menduduki Melaka. Ianya ditubuhkan selepas kedatangan Raja Melewar pada tahun 1773.

41

T.J.Newbold, Op.cit., Vol.II, hal. 77.

42

W.G.Shellabear, Sejarah Melayu, Oxford University Press, Singapore, 1967.

Pada tahun 1677, orang-orang Minangkabau di Naning dikatakan telah menjemput seorang anak raja dari Pagar Ruyung di Sumatera untuk dijadikan raja. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan pada masa itu Sultan Johor yang masih menaungi Naning (walaupun Naning masih berada di bawah kekuasaan Belanda) telah ditewaskan oleh Jambi.⁴³ Adalah besar kemungkinan Negeri Sembilan ini wujud dengan kedatangan anak raja Minangkabau ini. Walau bagaimana pun kenyataan ini masih boleh dipertikaikan. Yamtuan Besar Negeri Sembilan yang pertama dilantik pada tahun 1773 iaitu Raja Melewar⁴⁴ dan sejak daripada tarikh tersebut, kedudukan Negeri Sembilan menjadi semakin kukuh. Inikarana dengan tunduk di bawah seorang raja, negeri-negeri di dalam Negeri Sembilan menjadi lebih bersatu dan sebagai sebuah negeri yang beraja, rakyat mesti taat dan patuh pada perintah ketua.

(B) HUBUNGAN NANING DENGAN PORTUGIS.

Melaka telah ditawan oleh Portugis pada tahun 1511. Menurut Ian MacGregor;

... The first Portuguese to reach Malaya probably did soon 11 September, 1509, when a squadron of five vessels, under the command of Diago Lopes de Sequeira, is said to have anchored before Malacca. The Portuguese conquest of Malacca followed less than two years later, the successful

43

Pada tahun 1970an, Jambi merupakan kuasa yang mulai kuat di Nusantara selain daripada Aceh. Serangan Jambi keatas Johor Lama telah menyebabkan Sultan Johor lari ke Pahang dan seterusnya ke Riau. Sejak daripada tarikh itu, baginda tidak lagi pernah pulang ke Johor sehingga 1689. Lihat Winstedt, Op.cit., hal. 53.

44

Raja Melewar adalah Yam Tuam Seri Menanti yang pertama (1713-1795). Baginda berasal daripada Minangkabau dan datang ke Negeri Sembilan atas jemputan untuk dijadikan raja. Ini adalah perlu bagi Negeri Sembilan kerana setiap negeri mesti ada rajanya. Lihat Buyong Adil, Sejarah Negeri Sembilan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1981, hal. 45.

attack being launced on Friday, 8, August or Sunday, 10 August, 1511.⁴⁵

Polisi Portugis di Melaka ialah untuk meneguh dan memajukan perdagangan di perairan Selat Melaka. Dasar monopoli yang dijalankan lebih ditekankan kepada rempah di Nusantara dan perkara ini sangat tidak disenangi oleh pedagang-pedagang asing. Portugis terpaksa mengukuhkan lagi kubu pertahanan dan ketenteraan di Melaka agar keselamatannya dan pedagang yang lain terjamin. Pada awal kedudukannya di Melaka, Portugis menerima tentangan yang hebat daripada pedagang-pedagang Islam terutamanya pedagang Gujerat dan Egypt.⁴⁶ Namun dengan penaklukan Melaka oleh Portugis secara resmi pada tahun 1511, ini bermakna Portugis berkuasa di dalam segala aspek di Melaka termasuk ke atas Naning yang mana sebelum ini termasuk di dalam Negeri Sembilan. Naning yang takut dengan serangan Portugis mengakui tunduk di bawah kekuasaan Portugis di Melaka. Namun secara tidak ketara, Naning masih lagi menghubungi Johor. Kedudukan Portugis di Melaka ini jelas mempunyai motif yang tertentu dan keadaan ini boleh dilihat seperti yang dikatakan oleh Meilink Roelofs;

45

Ian MacGregor, *Op.cit.*, hal. 5, (Terjemahan: Angkatan Portugis yang pertama tiba di Malaya berkemungkinan pada 11 September, 1509, apabila satu angkatan perang yang mengandungi lima buah kapal di bawah arahan Diego Lopes de Sequeira berlabuh di Melaka. Penaklukan Portugis keatas Melaka adalah dua tahun selepas daripada tarikh tersebut iaitu pada 8 Ogos atau Ahad, 10 Ogos, 1511.

46

M.A.P. Meilink Roelofs, Asian Trade and European Influence in the Indonesia Archipelago between 1500 and about 1630, Martinus Mijhoff, The Hague, 1962, hal. 117.

... on the mainland, only Naning of all the Minangkabau settlements situated near Malacca had come under Portuguese authority, the rest still recognized their former ruler. 47

Portugis sedar Naning tidak membawa apa-apa keuntungan kepada Portugis tetapi Portugis masih tetap mahu menuntut Naning di bawah kekuasaannya dengan sepenuhnya. Naning tidak begitu penting kepada Portugis kerana tiada apa-apa bahan yang disumbangkan oleh Naning kecuali beras. Makanan dan bahan yang lain semuanya diperolehi oleh Portugis dari negara lain.⁴⁸ Sebagai menunjukkan kekuasaannya keatas Naning, Portugis perlu memastikan bahawa Naning tidak lagi berhubung dengan Johor. Untuk tujuan tersebut, Portugis telah menempatkan seorang pengawas berbangsa Portugis di Naning. Pengawas tersebut dipanggil 'Temenggung' (Tamongan).⁴⁹ Dalam konteks ini, seorang Portugis bernama Banetto de Resenda menulis pada tahun 1634 bahawa;

47

Ibid., hal. 139. (Terjemahan: Di Semenanjung Tanah Melayu, hanya Naning di Melaka yang didiami oleh penduduk Minangkabau berada di bawah kekuasaan Portugis. Kawasan lain adalah dikuasai oleh pemerintah lama seperti biasa).

48

Makanan di Melaka adalah diimpot. Oleh kerana itu harga barang mahal dan taraf hidup agak tinggi. Untuk mengatasi masalah ini, penduduk Portugis di Melaka diberi elaun hidup dan elaun ini diberi dalam bentuk beras. Pada awal pemerintahan, pembayaran ini dapat membantu kehidupan penduduk Portugis di Melaka. Namun lama kelamaan, bayaran bentuk beras ini ditukar kepada bentuk wang dan nilainya sentiasa berubah mengikut kos kehidupan di sesuatu tempat pada sesuatu masa yang tertentu. Lihat Ian MacGregor, Op.cit., hal. 7.

49

Winstedt, Op.cit., hal. 44-45. Di dalam zaman Kesultanan Melayu Melaka, jawatan Temenggung telah ada disamping dua jawatan lain yang penting iaitu Bendahara dan Laksamana. Lihat Muhd Yusuf Ibrahim, Op.cit., hal. 25.

... Inland the land borders on that of the Monamcabos, moor of a land call Rindo(Rembau) vassal of the King of Pam (Pahang) and close by line five or six thousands of the sama Monamcabos moors vassal of his majesty (King of Portugal) under the government of a Portuguese married man of Malacca called Tamungan (Temenggung), an office ^{conferred} by the Viceroy. To him they owe obedience and should one of these moors died without heirs, the said Tamungan inherited his property, and if there heirs he makes an agreement with them and receives 10% upon such goods as he think fit... 50

Tugas Temenggung ialah menjaga keamanan dan berkuasa untuk menyiasat serta menangkap dan mengeluarkan perintah, malahan menjatuhkan hukuman keatas pesalah-pesalah. Sekiranya kesalahan itu perlu diselesaikan, maka ianya akan dijalankan secara berperingkat-peringkat. Pada peringkat awal, ianya perlu diselesaikan di kampung dimana kesalahan dilakukan oleh Penghulu. Jikalau gagal, maka baru-lah ianya dikemukakan kepada pemerintah pusat di bandar Melaka. Gaji yang diterima oleh Temenggung ini adlah diperolehi daripada hasil yang dipungut dari kutipan cukai yang dikenakan keatas penduduk Naning. Di sini dapat dilihat bagaimana Temenggung(Portugis) kehidupan rakyat yang miskin sehinggakan harta orang yang telah mati pun terpaksa diberi kepada Temenggung sebanyak 10%. Malahan penduduk Naning dikenakan membayar cukai dengan kadar tertentu apabila menggunakan sungai untuk ke pelabuhan di bandar Melaka, Di sini sepatut-

50

M.G.Maxwell, "Baretto de Resenda's account of Malacca", JMBRAS, Vol.60, 1911, hal.5. (Terjemahan: Kawasan pendalaman yang membataskan orang Minangkabau ialah kawasan yang dipanggil Rindo(Rembau) yang terletak di bawah Sultan Pam(Pahang). Ianya berdekatan dengan sempadan kediaman yang mempunyai lebih kurang 5,000-6,000 prang Minangkabau di bawah kerajaan Portugal. Seorang Portugis telah dilantik oleh wizurai sebagai Temenggung. Perintahnya mesti diikuti dan sekiranya orang yang mempunyai harta mati tanpa meninggalkan waris, maka hartanya berhak diambil oleh Temenggung. Sekiranya empunya harta mati dan mempunyai waris, Temenggung berhak menerima sebanyak 10% daripada harta tersebut). Lihat R.O.Winstedt, Op.cit., hal. 45-46.

nya penduduk Naning tidak perlu dikenakan sebarang bayaran kerana mereka merupakan penduduk tempatan dan negeri itu pada asalnya adalah negeri mereka sendiri yang telah lama diterokai oleh nenek moyang mereka.⁵¹

Selain daripada itu, adalah dikatakan bahawa hanya Naning saja kawasan di Melaka yang mempunyai penduduk. Godinho de Eredia menulis pada tahun 1613, "... uninhabited and deserted except in the district of Nany".⁵² Portugis perlu menguasai Naning walaupun kawasan ini kecil dan kurang berhasil semata-mata ingin menunjukkan kekuasaannya. Penduduk Naning perlu dilemahkan kerana orang Minangkabau di Naning suka memberontak. Keadaan ini berlaku kerana Naning menganggap bahawa Johor masih lagi merupakan penaungnya. Pada masa Portugis di Melaka, jumlah penduduk Naning telah meningkat. Oleh kerana itulah, Naning dapat membantu Sultan Johor menyerang Portugis di bandar Melaka pada tahun 1586. Johor bersama Naning telah menyerang kubu Portugis dan memutuskan bekalan makanan dari sampai ke Melaka. Angkatan gabungan Johor-Naning ini agak besar iaitu 2,000 orang berbanding jumlah tentera Portugis yang hanya lebih kurang 100 orang saja dengan dibantu oleh penduduk tempatan yang pro-Portugis seramai 600 orang.⁵³

⁵¹ Winstedt, Op.cit., hal. 46.

⁵² Ibid., hal. 45. (Terjemahan: Kawasan lain tidak dihuni dan kosong kecuali di dalam kawasan Naning).

⁵³ Ibid.

Akhirnya Portugis mengalami kekalahan dan dengan ini telah menyedarkan Portugis akan kekuatan Johor dan Naning. Portugis mulai bimbang sekiranya Johor bergabung dengan Naning, tentu sekali Portugis akan berjaya dikalahkan. Ini bermakna akan berakhirnya pendudukan Portugis di Melaka. Kebimbangan ini menjadi lebih bertambah apabila Portugis menyedari bilangan tenteranya yang sedikit tidak akan dapat menjamin keselamatan di Melaka lebih lama lagi. Penduduk Portugis pernah dilaporkan berada hanya dalam kawasan sekitar dua atau tiga batu sahaja daripada bandar Melaka. Jumlah tentera yang sedikit ini tentunya sukar untuk memberi perlindungan dari serangan luar maupun serangan penduduk tempatan sendiri.

Pada hakikat yang sebenarnya, tujuan Naning dituntut oleh Portugis adalah sebagai untuk menunjukkan kekuasaannya yang berpengaruh. Namun ini tidak bermakna Portugis campurtangan dalam hal ehwal di Naning. Hubungan Naning- Portugis hanyalah melalui perantaraan Temenggung Portugis dan keadaan ini yang menyebabkan ramai penulis yang menceritakan sejarah mengenai Naning mengatakan bahawa Portugis tidak berminat keatas Naning. Keadaan Naning yang tidak memberi apa-apa sumbangan yang menguntungkan kepada Portugis menyebabkan Portugis mengambil langkah tidak mahu membazir wang, tenaga dan masa untuk melakukan penerokaan ke atas kawasan pendalaman Melaka Utara. Namun demikian, terdapat juga sumber yang mengatakan bahawa Portugis pernah pergi ke kawasan pendalaman sehingga sampai ke sempadan Rembau. Ini jelas dalam tuntutan kawasan, Portugis mendakwa kawasan pengaruhnya

adalah sejauh Padang Chacar iaitu hampir dengan sempadan Rembau. Walau bagaimana pun, pemergian tersebut tidak pula dikatakan untuk tujuan kemungkinan untuk berdagang atau untuk membangunkan Naning. Portugis melakukan ekspediri tersebut adalah untuk meninjau akan selok belok Naning dan ini perlu untuk tujuan pertahanan dan keselamatan Portugis di Melaka. Bukti tentang kedatangan Portugis di Naning ini dapat dilihat dengan adanya 'kubur Feringgi' (Grave of the Portugis). Kubur ini terdiri daripada tanah busut yang agak tinggi dan mempunyai bentuk seperti kubur, Namun, persoalan ini masih lagi diragui akan kebenarannya.⁵⁴

Selain daripada menghadapi musuh tempatan iaitu Naning dan Johor, Portugis juga terpaksa bertanding dengan Aceh. Aceh merupakan kuasa yang mulai menunjukkan kekuatan semasa kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka. Sistem monopoli yang dilakukan oleh Portugis di Melaka juga secara tidak langsung juga telah membangkitkan lagi keagungan Aceh. Pedagang-pedagang yang tidak suka dengan sistem monopoli Portugis di Melaka telah memindahkan dagangan mereka ke Aceh.⁵⁵ Aceh juga berkembang menjadi penakluk ke atas wilayah-wilayah seperti Perlak, Pasai dan Pedir pada awal abad ke 16.⁵⁶

54

T. Braddell, "Notes On Naning With A Brief Notice Of The Naning War", JIAEA, New Series, Vol. I, 1856, hal. 194. Lihat juga J.R.Logan, "Notes On Malacca", JIAEA, Series II, 1856, hal.45.

55

M.A.P.Meilink Roelofsz, Op.cit., 1958, hal. 137 dan 141.

56

Norton Ginsburg and Chaster F. Roberts, Malaya, University Of Washington Press, 1958, hal. 27-29.

Pada awal tahun 1537, Aceh cuba menawan Melaka daripada Portugis tetapi gagal. Ini menyebabkan Aceh mengalih perhatiannya kepada kesultanan Johor yang telah mulai lemah. Keadaan saling bersaing dan berperang ini akhirnya telah menyebabkan ketiga-tiga kuasa tersebut iaitu Aceh, Johor dan Melaka mengalami kemerosotan kekuasaan. Diantara ketiga-tiga kuasa tersebut, Portugis di Melaka adalah merupakan kuasa yang paling teruk menerima kesan buruknya. Peperangan demi peperangan yang dialami oleh Portugis telah menjejaskan perdagangan, kewangan dan keamanan Melaka. Perdagangan Portugis di Selat Melaka sering terganggu dan tidak membawa banyak keuntungan lagi kerana kapal-kapal yang belayar di Selat Melaka menjadi tumpuan serangan lanun-lanun Aceh dan Johor. Beban ini menjadi bertambah berat dengan adanya masalah ketidak cekapan dalam soal pentadbiran dan juga banyak berlakunya rasuah. Keadaan ini semuanya melibatkan kewangan Portugis di Melaka.⁵⁷

Keadaan yang tidak stabil ini menyebabkan Portugis mengambil langkah untuk kurang terlibat dalam hal ehwal Naning. Kekuatan Portugis di Melaka lebih banyak bergantung kepada angkatan tentera lautnya yang banyak di dapati di perairan Selat Melaka. Seandainya jumlah tenteranya adalah sedikit maka tentunya keselamatan mereka di Melaka tidak terjamin sepenuhnya. Akhirnya hasil gabungan faktor-faktor masalah yang dihadapi oleh Portugis telah menyebabkan kuasa Portugis semakin hari semakin lemah sehinggalah Melaka ditawan oleh Belanda pada tahun 1641

⁵⁷ M.A.P.Meilink Roelofsz, Op.cit., hal. 128-29.

(C) HUBUNGAN NANING DENGAN BELANDA.

Belanda merasa iri hati dengan kejayaan Portugis memperoleh kejayaan melalui perdagangan di perairan Selat Melaka . Walaupun pelayar-pelayar Belanda telah tiba ke Timur pada tahun 1592, namun hanya pada tahun 1602 saja barulah Syarikat Hindia Timur Belanda ditubuhkan dengan matlamat mencapai kejayaan dalam perdagangan. Belanda juga seperti Portugis lebih mementingkan keuntungan perdagangan disamping menyebarkan agama Keristian. Polisi Belanda adalah warisan daripada Portugis iaitu menjalankan dasar monopoli dalam perdagangan di Selat Melaka khasnya dalam perdagangan rempah. Belanda juga menjalankan dasar menghapuskan semua halangan dan saingan terhadap kemajuan perdagangannya. Untuk tujuan ini, kubu pertahanan Belanda di Melaka perlu di pertahan, perketat dan perbaiki lagi. Dengan kata lain, dasar Belanda di Melaka ialah;

... to enforce the tolls, licences and the cruising in the straits, instituted by the Portuguese for the maintenance of the rights of Malacca and now devolved on us by the right of conquest. 58

Atas kesedaran tentang kepentingan perdagangan ini, maka Belanda telah berbaik dengan Johor dan membuat perjanjian pada awal tahun 1606. Tujuan Belanda cuba berbaik dengan Johor ini, diharapkan permusuhan

P.P.K.T. Joseph, "The Dutch Ascendancy", Illustrated Historical Guide to Melaka, Chapter XII, The Rotary Club Of Malacca, Malacca, 1973, hal.64-66. (Terjemahan: Dasar Belanda ialah memaksa pembayaran tol, lesen-lesen ke atas kapal-kapal yang belayar di Selat Melaka. Ini adalah bertujuan untuk mengekalkan kedudukan dan hak-hak Belanda di Melaka dan kini terbukti hak Belanda atas Melaka dengan cara penaklukan).

Johor-Melaka akan menyebabkan Johor bersedia membantu Belanda menghadapi Portugis. Belanda berjanji akan membantu Johor dalam soal keamanan dan gangguan daripada musuh, namun cadangan ini telah ditolak oleh Johor. Penolakan Johor ini adalah disebabkan pada masa itu, Johor menghadapi masalah dengan Patani dan Pahang. Kegagalan Belanda berunding dengan Johor telah menyebabkan Belanda berpaling kepada Aceh dan kemudiannya kedua-duanya iaitu Belanda dan Aceh telah menyerang Johor.⁵⁹

Menjelang tahun 1620, Belanda dan Aceh berjaya menakluk Johor, Pahang, Perak, Kedah dan Kepulauan Riau dan Lingga. Kekuasaan Aceh tidak berkekalan lama dan pada tahun 1636, anak raja Johor telah kembali mengistiharkan kekuasaannya ke atas Johor dan Pahang. Johor kemudiannya membuat perjanjian dengan Belanda untuk menyerang Portugis di Melaka. Akhirnya Belanda berjaya mengalahkan Portugis pada 14 hb. Januari, 1641 dan menunaikan janjinya iaitu menyerahkan negeri-negeri di sekitarnya kepada Johor dan Melaka adalah di bawah kuasa Belanda. Walaupun kegiatan utama Belanda di Melaka ialah perdagangan khasnya rempah namun ianya tidak sebegitu penting sebagaimana pentingnya perdagangan di Batavia, Jawa. Pendapatan Belanda adalah lebih banyak daripada pungutan cukai yang dikenakan ke atas barang-barang dagangan dan kapal-kapal yang melalui Selat Melaka.

Cukai juga dikenakan ke atas barang-barang yang diperolehi dari kawasan pendalaman Tanah Melayu yang telah dikumpulkan di Melaka.

Dalam konteks hubungan Naning- Belanda, pada peringkat awal adalah dikatakan ^{bahawa} diantara kedua kuasa tersebut tidak menampak-wujudnya kerjasama. Namun demikian ini tidak pula bermakna Naning bermusuhan dengan Belanda. Hubungan keduanya adalah baik dan jalinan ini lahir adalah kerana Naning pernah masuk di bawah kekuasaan Johor. Sementara itu, Johor pula pernah berbaik dan membuat perjanjian dengan Belanda dalam rancangan penyerangan ke atas Portugis di Melaka. Belanda sedar untuk terus mengekalkan hubungan baik ini, satu ikatan perlu diadakan. Maka sebagai bangsa yang dikatakan menghormati undang-undang, satu perundingan telah dilakukan untuk memeterai perjanjian antara keduanya. Tanggal tarikh 5 Ogos, 1641, Joans Van Twist, gabnur Melaka menandatangani perjanjian Belanda-Naning dengan ketua Naning.⁶⁰ Antara isi-isi kandungan perjanjian Belanda-Naning tersebut ialah seperti yang disenaraikan di bawah;

- i. Naning berjanji akan menjadi milik Belanda di Melaka dan akan petuh terhadap segala perintahnya.
- ii. Naning akan menyerahkan sebanyak satu persepuluh dari-

60

R.O.Winstedt, Op.cit. hal. 47-48. Lihat juga T.J.Newbold, Op.cit., Vol. I, hal.199. Menurut T.Braddell, "Notes On Naning With A Brief Notice Of The Naning War", JIAEA, New Series, Vol.I, 1856, hal.194. Lihat juga J.R.Logan, "Notes ^{on} Malacca", JIAEA, Series II, 1856, hal. 45.

- pada hasil pertaniannya seperti padi, buah-buahan, dan satu persepuluh daripada hasil jualan tanah kepada Belanda.
- iii. Naning dilarang berniaga dengan mana-mana kuasa lain selain daripada Belanda.
 - iv . Semua perahu dagangan Naning yang melalui pelabuhan Melaka samada membawa barangan eksport atau impot akan dikenakan bayaran yang tertentu.
 - v . Naning juga dikehendaki menyerahkan semua hamba, penjenayah dan senjata seperti tombak, pedang , keris dan senapang kepada Belanda.
 - vi . Dalam keputusan tentang hukuman mati dan rampasan kuasa, ianya tidak boleh dikenakan keatas mereka yang beragama Keristian. Malahan sekiranya seseorang hamba yang lari daripada tuannya dan ingin menganut agama Keristian maka harga yang boleh dituntut keatas hamba tersebut hanya seperuh saja.
 - vii. Pesalah Naning yang melarikan diri akan didenda oleh Belanda. Hartanya akan diambil semuanya oleh Belanda dan sekiranya jumlah harta itu banyak, separuh akan diberi kepada isteri atau keluarga atau waris kepada yang empunya harta dan separuh untuk Belanda. Sekiranya orang Naning meninggal dunia tanpa meninggalkan waris, maka Belanda berhak mendapat separuh daripada jumlah harta tersebut dan separuh lagi diberi kepada Ketua Naning. Sekiranya empunya harta yang mati mempunyai waris, maka Belanda dan Ketua Naning tetap akan mendapat bahagian mereka iaitu sebanyak satu perdua puluh daripada jumlah harta tersebut,
 - viii. Naning juga dikehendaki menghaantar seorang pekerja yang digaji ke bandar Melaka untuk menolong pedagang-pedagang Naning.
 - ix. Orang-orang Naning tidak dibenarkan pergi kemana-mana tanpa membawa surat kebenaran dan orang Minangkabau daripada kawasan luar Naning tidak dibenarkan berpindah dan menetap di Naning tanpa pengetahuan dan keizinan Belanda di Melaka.

Perjanjian ini adalah penting bagi Belanda untuk menunjukkan bahawa Naning bersedia tunduk di bawah kekuasaan Belanda . Di samping itu Belanda merasakan bahawa akan berlaku penentangan oleh penduduk Naning pada bila-bila masa. Ini adalah berikutan daripada perasaan tidak puas hati penduduk Naning terhadap sikap ketua mereka iaitu Penghulu Raja Sri Merah yang bersikap sangat baik dengan Belanda. Penghulu Naning telah berjanji akan menyerahkan semua hamba Keristian dan senjata kepada Belanda . Penduduk Naning tidak senang hati dengan keadaan ini kerana hubungan dan janji Ketua Naning kepada Belanda ini akan menghalang kegiatan penduduk Naning untuk mendapat keuntungan dari penjualan hamba-hamba Keristian ke Benghulu.⁶¹

Walaupun dapat dilihat bahawa perjanjian ini berat sebelah dan tidak adil, namun Naning terpaksa juga menerima perjanjian tersebut. Tiada pilihan lain yang dapat dilakukan oleh Naning. Walau bagaimana pun Naning telah mengambil sikap tidak begitu memperdulikan tuntutan Belanda. Contohnya Naning pernah sengaja melambatkan pemberian hamba dan senjata kepada Belanda. Belanda sangat memerlukan hamba untuk tujuan projek memperbaiki kubu pertahanan mereka di Melaka supaya menjadi lebih kukuh.⁶² Disamping itu, Naning bersetuju menerima perjanjian tersebut adalah kerana Naning menganggap bahawa pemberian satu persepuluh itu hanya sebagai satu hadiah atau pemberian saja bukannya sebagai tanda tunduk kepada Belanda. Keadaan Naning

61

R.O.Winstedt, Op.cit., hal. 47

62

Ibid., hal.48

yang enggan tunduk sepenuhnya kepada Belanda inilah yang sangat membimbangkan Belanda. Oleh kerana itulah maka satu penyelesaian perlu diadakan iaitu melalui perjanjian. Belanda telah meneruskan polisi Portugis iaitu menempatkan seorang pengawas di Naning. Anthonio Pingero telah dilantik sebagai Temenggung dan ianya kemudiannya diganti oleh Jan Menie pada tahun 1642. Jan Menie adalah seorang yang tegas dan pernah menghalang kegiatan orang-orang Naning menghantar hamba-hamba Keristian ke Bengkahulu melalui Sungai Penagi. Hamba-hamba ini telah dibebaskan oleh Jan Menie. Tindakan Jan Menie ini secara tidak langsung telah menandakan cuba campur tangan dalam hal-ehwal Naning. Perkara ini tentunya telah menimbulkan perasaan marah dan tidak puas hati dikalangan penduduk Naning.

Bukti Belanda cuba campur tangan dalam hal-ehwal Naning lebih jelas lagi apabila Gabnur Jeremias Van Vliet bersama-sama Kapten Laurens Forsenburg, Shahbandar Jan Jansz Menie, Menteri Kewangan Gerrit Rijser, Setiausaha Joan Truijtmán berserta 60 tentera Belanda dan 100 orang penduduk tempatan pergi ke Naning pada 3 hb. Februari, 1643.⁶³ Tujuan ekspedisi tersebut adalah untuk menjalin perdamaian dan persahabatan dengan Naning. Ini adalah berikutan dengan perselisihan yang berlaku antara Naning dengan Belanda pada tahun 1641. Belanda sedar cara diplomasi yang lembut perlu apabila

63

R.O.Winstedt, Op.cit., hal, 27-28.

berhadapan dengan penduduk Naning. Ini adalah disebabkan Belanda cuba mengelakkan dari berlakunya sebarang pemberontakan oleh penduduk

Naning yang terkenal dengan sikap suka menentang dan memberontak;

... the inhabitants of Naning and Rumbowe, particularly those of the districts of Mullikey, Perling and Inak, noticed as being in a very rebellious and disorderly state, refusing to obey their Chief, Raja Merah, the first Penghulu of Naning. 64

Salah satu cara yang dilakukan oleh Belanda ialah "to persuade the minangkabau of Naning to adopt an agriculture and peaceful life".⁶⁵

Secara lebih tegas lagi, akhirnya Belanda telah menghantar seorang wakilnya, Alexander Mendes ke Naning dan memaksa ketua-ketua suku Naning serta penghulunya pergi ke Melaka untuk menunjukkan ketaatan mereka kepada Belanda

Mulai daripada tarikh tersebut hubungan naning dan belanda menjadi tegang. Hubungan tegang ini juga melibatkan Rembau. Sebelum ini hubungan Rembau dan Belanda adalah baik kerana hubungan Naning dengan belanda dalam keadaan baik. Jadi apabila Naning mulai bermusuh dengan Belanda, Rembau juga turut serta.⁶⁶ Sebagaimana Naning,

⁶⁴ R.O.Winstedt, *Op.cit.*, hal. 49. (Terjemahan: Penduduk Naning dan Rembau khasnya kawasan Melekek, Perling dan Inak didapati begitu kasar sikapnya dan sering memberontak serta menolak segala arahan dari ketua mereka, Raja Merah yang menjadi penghulu yang pertama).

⁶⁵ T.J.Newbold, *Op.cit.*, Vol.I, hal. 200. (Terjemahan: Cara Belanda ialah untuk memujuk orang Minangkabau di Naning supaya menjalani kehidupan dengan cara yang mudah dan bertani).

⁶⁶ Rembau dan Naning berbaik adalah kerana mempunyai banyak persamaan dari aspek sosial, ekonomi, agama, kebudayaan dan asal keturunan. Malahan kedua-duanya juga pernah menjadi negeri naungan Johor semasa Melaka ditawan oleh Portugis.

Rembau juga dikehendaki Berdagang dengan Belanda dan tidak boleh berdagang dengan kuasa lain. Rembau tidak banyak mendatangkan banyak masalah kepada Belanda berbanding dengan Naning. Ini besar kemungkinan disebabkan kedudukan Rembau yang agak jauh dan bukan kawasan dalam Melaka. Walau bagaimana pun, Rembau pernah juga memberontak terhadap tindakan Belanda yang memaksa Rembau menanam lada hitam. Lada hitam pada masa itu merupakan bahan yang mendapat pasaran harga yang tinggi di Nusantara. Rembau enggan menurut arahan Belanda malah mengatakan bahawa Rembau adalah di bawah kekuasaan Johor dan tidak mahu dijadikan alat untuk keuntungan Belanda.

Akhirnya Belanda telah mengambil langkah dengan memerangi Rembau pada tahun 1643 tetapi menemui kekalahan. Sebagai membalas perbuatan Belanda ini, orang-orang Rembau telah membakar perahu-perahu dagangan Belanda di Sungai Baru iaitu kawasan Melaka yang bersempadan dengan Negeri Sembilan pada 5 Mei, 1643. Pada tahun 1644, Naning dan Rembau telah berpakat untuk membakar bandar Melaka namun rancangan ini ^{tidak} gagal dilaksanakan. Tindak balas Naning dan Rembau ini telah menyebabkan Belanda memusuhi kedua-dua negeri ini. Dalam soal ini, Johor tidak memberi apa-apa bantuan atau sumbangan untuk membantu Naning atau Rembau walhal kedua-dua negeri ini pernah berada di bawah naungannya dahulu. Sikap berkecuali Johor ini adalah disebabkan Johor menyedari akan kekuatan Belanda pada masaitu. Sekiranya Johor turut campur tangan dalam kancah peperangan ini, tentu sekali Belanda akan turut sama memusuhi Johor dan menyerangnya. Oleh kerana

itu Belanda terpaksa menentang sikap negeri naungannya sendiri. Kekalahan tentera Belanda di Rembau ini juga telah menyebabkan Konsul Hindia Belanda di Betawi telah mengarahkan supaya Belanda jangan cuba mencari pengaruh yang jauh lebih melewati batasan sempadan negeri Melaka.⁶⁷

Hakikat yang sebenarnya ialah Naning tidak ingin memerangi Belanda kerana sedar akan kekuatan kuasa penjajah tersebut dan akibat yang akan diterima kelak. Namun sikap Rembau yang ingin juga memerangi Belanda walaupun tanpa bantuan Naning telah menyebabkan Naning menjadi serba salah dan akhirnya menyertai peperangan tersebut. Naning juga marah dengan sikap Belanda yang begitu menekan kehidupan penduduk Naning melalui perjanjian Belanda- Naning, 1641. Orang Belanda telah dikerah supaya membersihkan kawasan hutan dan semak samun yang terdapat di sepanjang sungai untuk memudahkan perahu dagangan melalui-nya. Arahan Belanda ini seolah-olah sengaja ingin menunjukkan bahawa mereka adalah pemerintah yang berkuasa dan terbukti apa saja tindakan Belanda adalah untuk kepentingannya sendiri. Walhal Belanda menyedari bahawa sepanjang kawasan tepi sungai adalah merupakan penempatan penduduk Naning. Penduduk Naning suka tinggal di tepi-tepi sungai kerana ianya berdekatan dengan sumber air dan mudah membawa barang-barang ke- pelabuhan Melaka. Dalam konteks ini, orang Naning mengatakan bahawa "though subjects, they were not slaves."⁶⁸ Naning juga merasakan

⁶⁷ P.J.Begbie, *Op.cit.*, hal. 54. (Terjemahan: Walaupun penduduk Naning dikatakan berada dibawah kekuasaan Belanda tetapi mereka bukannya hamba).

⁶⁸ R.O.Winstedt, *Op.cit.*, hal. 51.

pembayaran satu persepuluh daripada hasil tahunan Naning kepada Belanda adalah berat. Ini disebabkan selain daripada terpaksa membayar kepada Belanda, penduduk Naning juga terpaksa membayar dengan kadar tertentu kepada ketua-ketua suku di Naning.

Dalam keadaan yang kucar-kacir ini, Belanda cuba mengambil kesempatan untuk menyerang Naning tetapi rancangan ini gagal dilaksanakan memandangkan akan kekuatan Johor pada masa itu. Belanda khuatir Johor akan bergabung dengan Naning dan Rembau lalu menyerang Belanda. Sekiranya ini berlaku, tentu sekali Belanda akan menerima kekalahan yang teruk. Keadaan sebaliknya pula berlaku, dimana Johor pula enggan memberi kerjasama kepada Rembau dan Naning dengan alasan takut Belanda menyerangnya pula. Walau bagaimana pun keadaan ini tidak berpanjangan kerana akhirnya pada Januari, 1645, Belanda telah menyerang Naning.⁶⁹ Malangnya sekali lagi Belanda menemui kekalahan selepas kekalahan di Rembau. Ini menunjukkan bahawa kuasa Belanda ketika itu tidak begitu kuat dan sekiranya Johor bergabung bersama-sama Rembau dan Naning menyerang Belanda, besar kemungkinan mereka akan memperolehi kemenangan. Tujuan Belanda menyerang Naning ini adalah sebagai membalas dendam di atas kematian Kapten Laurens Forsenburg dan Ian Jansz Menie dalam ekspedisi damai ke Naning dan Rembau pada tahun 1642.⁷⁰ Hubungan Naning- Belanda ini menjadi bertambah tegang apabila ketua Naning

69

R.O.Winstedt, Op.cit., hal.51.

70

Ibid., hal. 50. Lihat juga T.Braddell, Op.cit., hal. 194.

telah cuba menunjukkan kekuasaan dengan menjatuhkan hukuman mati ke-atas menantunya pada tahun 1652 tanpa memberitahu Belanda terlebih dahulu. Pebuatan ini dianggap sebagai mencabar kuasa Belanda di Melaka dan Belanda perlu melakukan sesuatu untuk mengatasi perkara seperti ini daripada berterusan. Hubungan tegang antara dua kuasa ini berpanjangan sehingga tahun 1679 apabila Belanda telah mulai menjalankan dasar diplomasi lebut dengan membenarkan Rembau dan Naning bergabung. Sekali lagi dalam tahun 1701, Belanda menghantar orang-orangnya ke-Naning untuk menekankan kepada Naning bahawa Naning adalah di bawah kekuasaan Belanda. Belanda terpaksa mengubah polisi kerasnya kerana menyedari sekiranya dasar tersebut diteruskan akan membahayakan Belanda sendiri kerana hubungan Naning dan Rembau yang baik itu akan menjadikan kedua kuasa tersebut kuat. Kekuatan mereka jelas dalam Perang Naning pada zaman British kelak.

Pendikata sehingga tahun 1758, Naning secara tidak ketara adalah masih di bawah pengaruh Johor. Pada tahun 1758, Belanda secara resmi telah mengadakan perjanjian dengan Johor. Antara isi perjanjian tersebut ialah Rembau, Sungai Ujung dan Johol dipisahkan daripada Naniḡg dan Naning dimasukkan ke bawah kuasa Melaka. Pemisahan ini menyebabkan Naning tidak lagi termasuk dalam Negeri Sembilan. Ekuran daripada peristiwa inilah, maka negeri-negeri Sembilan mulai ingin mencari seorang ketua untuk dijadikan raja . Akhirnya pada tahun 1776, anak raja dari Pagar Ruyung iaitu Raja Melewar telah dilantik sebagai Yang Dipertuan Negeri Sembilan yang pertama.⁷¹

⁷¹ T.Braddell, Op.cit., hal. 198.




Gambar ini ialah kubur tentera British yang dikatakan di-datangkan dari Madras untuk membantu British dalam Perang Naning. 1831-2. Kubur pertama dari kiri ialah kubur tentera tersebut yang bernama Ensign Walker, kubur terbesar ialah kubur kuda dan yang terkecil ialah kubur anjingnya.

No. 3

Gambar di bawah menunjukkan kata-kata yang tercatat di permukaan kubur tersebut. Kata-kata tersebut berbunyi:

" TO THE MEMORY OF ENSIGN GEORGE HOLFORD WALKER
DOING DUTY WITH THE 5TH REGIMENT M.N.I. WHO
FELL WHILE GALLANTLY LEADING ON HIS DIVISION
TO STORM AT STOCKADE AT ALLEGAZA ON THE 3RD
OF MAY 1832",

This tablet was erected by his
Brother Officers As a Mark of
their Esteem For One So Univer-
sally Beloved'.



Selepas daripada pelantikan ketua bagi Negeri Sembilan, keadaan menjadi bertambah aman. Daripada tahun 1776 sehingga 1824, tiada banyak perubahan yang berlaku di Melaka mahupun di Naning. Perkara ini berlaku adalah disebabkan dalam tempoh masa ini, Belanda lebih banyak menumpukan perhatian kepada pergolakan politik yang berlaku di negara Belanda di Eropah. Revolusi Perancis yang berlaku ketika itu telah melibatkan banyak kuasa besar di Eropah dan secara tidak langsung keadaan ini juga menjejaskan jajahan naungan masing-masing. Ini jelas berlaku pada Melaka apabila pada tahun 1795, Melaka telah jatuh ketangan British.

(D) HUBUNGAN NANING DENGAN BRITISH.

Penaklukan Melaka oleh British adalah hasil dari pergolakan yang berlaku di Eropah. Revolusi Perancis telah menumbangkan monarki mutlak di Perancis pada tahun 1795 dan berjaya menakluk Belanda. Britain yang merupakan salah satu kuasa yang kuat di Eropah ketika itu juga berjaya menakluki beberapa buah wilayah termasuk koloni Belanda iaitu Melaka. Ini bermakna Britain menduduki Melaka pada tahun 1795. Pendudukan Britain ke atas Melaka ini telah mendapat bantahan daripada Belanda dengan alasan Belanda telah mengambil Melaka dengan cara rampasan. Melaka sepatutnya dipulangkan kepada Belanda sebagaimana yang tercatat dalam Perjanjian Damai di Amiens pada tahun 1803.⁷² Negara Belanda sekali lagi jatuh ketangan Perancis

⁷² P.P.K.T. Joseph, "The British Period", Illustrated Historical Guide to Melaka, Chapter XIII, The Rotary Club of Malacca, Malacca, hal. 73.

dan dengan ini bermakna Melaka terus berada di bawah British sehingga tahun 1818. Desakan supaya Melaka diserahkan kembali kepada Belanda berlaku sekali lagi pada tahun 1814 melalui Perjanjian Vienna. Namun sekali lagi pergolakan politik di Eropah telah menghalang pengembalian Melaka kepada Belanda pada tahun 1816. Lebih tepat lagi dikatakan bahawa British memerintah Melaka pada tahun 1795 hingga tahun 1818 dan selepas itu Belanda mengambil alih Melaka semula. Pada tahun 1824, melalui Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 Melaka sekali lagi berjaya diperolehi oleh British dan kekal sehingga tahun 1942. Antara tahun 1942 sehingga tahun 1945, Melaka malahan Tanah Melayu keseluruhannya ditakluk oleh Jepun. Namun pemerintahan Jepun ini tidak berpanjangan kerana pada tahun 1945, British berjaya merampas semula Tanah Melayu (termasuk Melaka) dan meneruskan pemerintahan sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos, 1957.

Setelah diketahui akan faktor yang menyebabkan pemilikan British keatas Melaka, kini ditinjau pula polisi British di Melaka khasnya di Naning. Sebagaimana penjajah sebelum ini iaitu Portugis dan Belanda, matlamat British juga adalah mementingkan perdagangan dan keuntungan. Pada tahun 1795, British lebih memberi perhatian kepada perdagangan di bandar Melaka dan tidak begitu memberi perhatian kepada Naning.⁷³ Ini jelas antara tahun 1795 hingga tahun 1818, tiada banyak perubahan yang berlaku di Melaka dan Naning kecuali Perjanjian

⁷³ J.R.Logan, "Notes On Malacca", JIAEA, hal.45.

1801 antara British dan Naning. British juga tidak cuba mahu memahami keadaan dan sosial di Naning. Buktinya British masih lagi meneruskan sistem kehakiman Belanda walaupun ianya tidak dipraktikkan sepenuhnya di Melaka. Ini menunjukkan bahawa British tidak berusaha untuk mengadakan pembaharuan yang boleh memperbaiki lagi keadaan di Naning. Keadaan ini mungkin juga adalah disebabkan oleh kedudukan politik yang belum begitu stabil di Melaka. Pada bila-bila masa saja, Melaka akan jatuh pada Belanda kembali. Oleh itu British berpendapat adalah lebih wajar dalam masa yang singkat ini, perhatian ditumpukan kepada mengumpulkan sebanyak keuntungan yang boleh.

Keadaan berubah apabila British kembali semula ke Melaka pada tahun 1825 dan pada kali ini, kedudukan British lebih stabil untuk jangka masa panjang. Berbagai-bagai perubahan mulai dilakukan terutama dalam soal tanah, perhutanan dan pertanian. Dalam soal ini kemajuan Melaka dikelolakan bersama Pulau Pinang. Ini adalah disebabkan selepas tahun 1825, Melaka yang sebelum ini berada di bawah kerajaan British di India diletakkan di bawah kawalan kerajaan Negeri Selat. Selain daripada itu, British juga mulai menyedari kerugian yang akan ditanggung berikutan dengan pembukaan Singapura pada tahun 1819. Oleh kerana itu, satu pembaharuan perlu dilakukan dan caranya ialah dengan memberi tumpuan kepada Naning pula. Naning diharapkan akan menjadi sebuah kawasan pertanian yang produktif dan mendatangkan hasil yang menguntungkan British. Demi kepentingan perdagangan, maka satu perjanjian ditandatangani pada 16 hb. Julai, 1801 antara British dan

Naning.⁷⁴ Dalam perjanjian ini, Naning diwakili oleh Seri Raja Merah Dol Said, Lela Hulubalang, Orang Kaya Kechil digelar Musah, Membangun Kaya, Maharaja Nan Kaya dan Maulana Garang. Bagi pihak British, ia-nya diwakili oleh Kolonel Aldwell Taylor.⁷⁵ Isi-isi perjanjian tersebut adalah seperti berikut;

- i . Naning mesti tunduk dan mengaku taat setia kepada British di Melaka. Segala peraturan mesti dipatuhi dan akan dijatuhkan hukuman sekiranya ianya diingkari.
- ii . Naning dikehendaki membayar sejumlah satu persepuluh daripada hasil tahunannya kepada British.
- iii . Naning juga dikehendaki membawa kesemua hasil bijih timah daripada Sri Menanti, Sungai Ujung, Rembau dan lain-lain yang dibawa ke Naning untuk dihantar ke- pelabuhan Melaka. Naning juga dimestikan berdagang hanya dengan British saja.
- iv . Naning tidak mempunyai kekuasaan ke atas kampung- kampung atau daerah lain. Semua kawasan tersebut ada- lah atas nama British di Melaka.
- v . Sesiapa yang ingin berulang alik antara Naning dengan Melaka mesti mempunyai surat kebenaran.
- vi . Semua hamba-hamba mesti dihantar ke bandar Melaka dan boleh dijual kepada sesiapa saja yang ingin membelinya. Namun sekiranya hamba tersebut ingin memeluk agama Keristian, harga yang boleh dituntut oleh yang empunya hamba tersebut hanya separuh saja

⁷⁴ Untuk keterangan lebih lanjut mengenai perjanjian ini, sila lihat C.O. Blagden, "Appendix: Malay Documents Relating to Naning War Introductory Note" dalam L.A. Mills, "British Malaya: 1824-1867", JMBRAS, Vol. IV, 1925. Lihat juga P.J. Begbie, Op.cit., hal. bahagian pendahuluan.

⁷⁵ R.O. Winstedt, Op.cit., hal. 64. Lihat juga T.J. Newbold, Op.cit., Vol. I, hal. 224. Isi perjanjian ini boleh dilihat di bahagian lampiran latihan ilmiah ini. (lampiran IV)

Jelasnya tujuan British mengadakan perjanjian ini adalah;

... the British had made the 1801 treaty to control the foreign relations and secure the domestic peace of a neighbouring semi independent tribute state. 76.

Daripada isi perjanjian tersebut, jelas bahawa British menggunakan aspek ekonomi untuk menunjukkan kekuasaannya di dalam mengawal Naning. Naning dikehendaki meneruskan perjanjiannya sebagaimana dengan Belanda sebelum ini iaitu membayar sejumlah satu persepuluh daripada hasil tahunannya kepada British. British mendakwa segala yang menjadi kepunyaan Belanda dahulu kini menjadi miliknya. Naning tidak bersetuju kerana Perjanjian dengan Belanda dahulu dianggap sebagai kerjasama dan pemberian sejumlah satu persepuluh adalah sebagai pemberian dengan sukarela.

Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa Naning bukan sebahagian daripada negeri Melaka. Samuel Garling, Residen Konsular Melaka dan John Anderson, Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang berpendapat bahawa Naning adalah negeri yang bebas dan dakwaan Inggeris yang mengatakan Naning adalah sebahagian daripada Melaka adalah boleh dipertikaikan.⁷⁷ Samuel dan Anderson berpendapat sedemikian

76

R.O.Winstedt, Op.cit., hal.76. (Terjemahan: British membuat perjanjian 1801 adalah untuk mengawal perhubungan luarnya dan keselamatan dalam negeri bagi negeri-negeri naungannya).

77

Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Orang-orang Melayu Naning menentang Inggeris 1831-1832", Jurnal Sejarah, Jilid XV, Persatuan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1977/1978, hal.14. Lihat juga R.O.Winstedt, Malaya and Its History, Hutchinson University Library, London, 1969, hal. 54.

adalah berdasarkan kepada hubungan Naning- Belanda yang kurang baik. Justeru itu, British tidak sepatutnya menuntut Naning sebagai haknya kerana ini akan bermakna menambahkan lagi beban belanjawan British di Melaka. Tindakan British ini adalah kurang wajar kerana Naning bukannya merupakan kawasan yang boleh mendatangkan keuntungan kepada British. Adalah cukup sekadar menghantar wakil ke Naning dan memaksa ketuanya ke Melaka sebagai tanda tunduk kepada British walaupun tiada bukti yang sah dan nyata bahawa ketua Naning pernah berbuat sedemikian.

Gabnur Fullerton tidak mahu mengeluarkan belanja yang banyak ke atas pentadbiran di Naning. Namun atas desakan penasihatnya, W.T.Lewis iaitu Superintendent Tanah Melaka, akhirnya British terpaksa memberi perhatian kepada Naning juga. Menurut pendapat Lewis, Naning akan menjadi sebuah kawasan pertanian yang produktif sekiranya tanahnya diusahakan. Tanpa memperdulikan bantahan daripada Konsul di Pulau Pinang, British menghantar Naib Residen iaitu W.T.Lewis sendiri ke Naning pada tahun 1827.⁷⁸ Lewis dikehendaki memberitahun penduduk Naning dan Penghulunya bahawa Naning adalah di bawah kuasa British, Lewis juga dikehendaki menyiasat dan menetapkan peraturan tanah serta banci penduduk Naning. Namun demikian Lewis tidak dibenarkan lagi memungut cukai kerana pada peringkat awal British ingin mengambil hati penduduk tempatan. Walaupun kebenaran diberikan kepada Lewis, namun tiada kerjasama yang diberikan oleh penduduk Naning.

⁷⁸ L.A.Mills, British Malaya: 1824-1867, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1966, hal. 121. Lihat juga C.M.Turnbull, The Straits Settlements :1826-1867, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972, hal. 264.

Perjanjian ini membuat Naning sebagai sebuah negeri naungan bukan sebagai negeri Melaka sebagaimana yang didakwa. Ini disebabkan jikalau benar penduduk Naning adalah adalah rakyat British di Melaka, tentu sekali tidak perlu bagi Inggeris membuat perjanjian diantara pemerintah dengan rakyat. Adalah tidak adil jika pemerintah memaksa rakyatnya membayar sejumlah satu persepuluh daripada hasil tahunannya. Malahan bagi Naning, apa yang berlaku di zaman Belanda adalah berlainan daripada zaman British. Sememangnya Belanda mengkehendaki Naning membayar sejumlah satu persepuluh hasilnya kepada Belanda tetapi bukan seperti British yang menjalankannya secara paksaan. Belanda mengetahui bahawa hasil padi Naning ialah 4,000 gantang setahun bagi tahun 1643 tetapi bayaran yang dikenakan ke atas Naning tetap juga berjumlah 200 gantang (bersamaan satu persepuluh atas persetujuan Belanda). Belanda berbuat sedemikian selain daripada menyedari akan kemiskinan kehidupan penduduk juga ingin meneruskan hubungan baik antara Belanda dan Naning.⁷⁹

Faktor yang mendorong British mengubah sikap dari polisi tidak campur tangan kepada lebih memberi perhatian ke atas Naning adalah seperti berikut. Faktor ekonomi adalah merupakan sebab utama British bertindak sedemikian. British mengalami kemelesetan kewangan dan keadaan ini telah menggoncangkan kestabilan politik British di Tanah Melayu termasuk Melaka. Oleh itu satu cara penyelesaian ter-

⁷⁹ R.J.Wilkinson, (ed.), Papers On Malay Subjects, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971, hal. 30. Lihat juga C.M.Turnbull, Op.cit., hal. 264 dan Mubin Sheppard, "The Tomb Of Dato Said Naning", Malaysia In History, Vol.X, No.I, 1967, hal.33.

paksa dicari agar dapat meringankan beban masalah tersebut. British menganggap Naning mempunyai masa depan yang cerah dan akan membekalkan bahan pertanian kepada British.⁸⁰ Dari segi pentadbiran pula, Naning perlu dimasukkan ke bawah pentadbiran Melaka untuk menjimatkan perbelanjaan. Secara tidak langsung, British dapat membuktikan bahawa Naning juga dapat dikuasai oleh British sebagaimana penjajah Melaka sebelumnya. Sikap degil dan suka memberontak yang terdapat pada pemimpin Naning ini perlu diawasi dan dikawal supaya wang tidak akan dikeluarkan untuk menampung perbelanjaan mengatasi pemberontakan sekiranya ianya berlaku.

Pada peringkat awal, Naning memberi kerjasama kepada British kerana tiada pilihan lain. Perjanjian tersebut berjalan sehingga tahun 1818 apabila Belanda merampas kembali Melaka. Pada tahun 1822, gabnur Timmermann Thyssen berura-ura untuk memindahkan pengelolaan tanah di Naning ke Batavia. Tujuannya adalah supaya pentadbiran naungan Belanda dapat diselaraskan dan menjimatkan belanja. Namun rancangan ini tidak dapat dilaksanakan kerana pada bulan April 1825, British berjaya menguasai kembali Melaka. Pada tahun 1828, Lewis, penolong Residen Garling (dilantik pada tahun 1826) telah pergi ke Tabuh untuk memaksa Naning menurut perintah British. British menawarkan sejumlah 600 dolar Spanish dan bayaran tertentu kepada ketua-ketua suku tetapi tawaran ini telah ditolak.⁸¹ Kemarahan penduduk Naning mencapai kemuncaknya apabila jawatan penghulu Dol Said dilucut

⁸⁰ C.M.Turnbull, The Straits Settlements 1826-1867-Indian to Crown Colony, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972, hal.264.

⁸¹ T.J.Newbold, Op.cit., Vol.I, hal. 226.

kan.⁸² Ini berlaku adalah berikutan dari peristiwa pengaduuan Inchi Surin, seorang petani Naning kepada British tentang rampasan kebun dusunnya di Pancur oleh Penghulu Dol Said.⁸³ Dol Said menyatakan bahawa ia berhak buat apa saja kerana Naning adalah negerinya dan sebuah negeri yang merdeka tetapi kenyataan ini tidak diterima oleh British.

Penghulu Dol Said merasa tercabar dengan tindakan British melucutkan jawatannya itu. Bagi British tiada jalan lain yang boleh digunakan terhadap Naning yang sering engkar perintahnya. Naning bukan saja menyelesaikan masalah dan menjatuhkan hukuman tanpa rujuk kepada mahkamah keadilan British di Melaka, tetapi juga enggan datang ke Melaka sebagai mana yang diarahkan. Kedatangan Penghulu Naning ini bersyarat iaitu tidak boleh melebihi lima orang dan sekiranya arahan ini dilanggar, bermakna Naning telah tidak patuh terhadap British. Maka Naning berhak dijatuhkan hukuman.⁸⁴

⁸² Penghulu Dol Said adalah penghulu Naning yang dilantik pada tahun 1801 dan merupakan orang yang memainkan peranan yang penting dalam peperangan Naning 1831-32. Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam halaman akan datang.

⁸³ T.J.Newbold, Op.cit., Vol.I, hal.27

⁸⁴ Northcate Parkinson, British Intervention In Malaya-1867-1877, University Of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1964, hal.266. Lihat juga Abdulla Zakaria bin Gazali, "Penghulu Dol Said", Jurnal Sejarah Melaka, Bil.5, Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Melaka, Melaka, 1980, hal.27.

Akhirnya tiada cara damai lain yang boleh diambil kecuali penyelesaian secara ketenteraan. Pada 3 hb. Julai, 1829, Thomas Church iaitu Timbalan Residen Konsular Melaka diarahkan oleh Gabnur K.Fullerton ke Naning dengan bantuan beberapa orang sepoi. Dalam rundingan dengan Thomas Church, Penghulu Naning menolak semua cadangan yang dikemukakan kepadanya. Malahan Penghulu Naning telah mengarahkan penduduk Naning jangan membayar hasilnya kepada British. Penduduk Naning dikerah supaya bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan atau peperangan yang mungkin didahului oleh British.⁸⁵ Naning berpendapat bahawa British sengaja ingin mencari jalan bagaimana dapat memutuskan hubungan British-Naning. Ini dilakukan adalah bertujuan untuk melindungi kelemahan British dalam menguasai Naning sepenuhnya. Gabnur Fullerton ingin menyerang Naning tetapi keputusannya tidak diresrui oleh Majlis Mesyuarat Pulau Pinang. Oleh kerana itu peperangan ditangguhkan dan ini dianggap oleh Naning sebagai kelemahan Inggeris yang takut menyerang Naning.

